

BAB 4: PENGARUH AKIDAH LDII DI PROVINSI JAMBI

4.1 Pengenalan

LDII sebagai pertubuhan sosial keagamaan mempunyai matlamat dalam mempertingkatkan pengetahuan ajaran Islam, keimanan dan ketakwaan kepada Allah melalui dakwah serta program pendidikan kepada umat Islam Indonesia amnya dan umat Islam provinsi Jambi khasnya. Pendidikan dan dakwah LDII pada asasnya bertujuan membimbing, mendidik dan menyampaikan ilmu pengetahuan dan pengalaman kepada umat Islam selari dengan akidah dan syariat Islam yang tulin. Sehingga melalui dakwah dan pendidikan diharap dapat mempertingkatkan ilmu agama Islam, ilmu pengetahuan, pengalaman dan mengubah cara pandang (*word view*) masyarakat baik ilmu agama mahupun ilmu lainnya.

Ditubuhkan LDII di Indonesia amnya dan khasnya Provinsi Jambi sejak tahun 1970-an sama ada langsung mahupun tidak langsung, aktiviti dakwah dan pendidikan Islamiyyah telahpun memberi pengaruh kepada masyarakat yang telah bergabung dengan aktiviti Lembaga Dakwah Islam Indonesia yang meliputi; bidang agama (akidah, syari'ah), bidang ideologi, bidang politik, bidang ekonomi dan dan bidang sosial budaya baik sebagai umat Islam, mahupun sebagai masyarakat negara bangsa.

Oleh itu, untuk melihat bagaimana kesan daripada ajaran dan faham Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) yang telah didakwahkan di Provinsi Jambi secara berturut-turut akan dibentangkan ditimbulkan di bawah ini. Daripada bidang Ketuhanan, hubungan manusia dengan Allah S.WT., Kenabian (al-Nubuwwah) dan perkara al-Sam'iyat yang meliputi; alam kubur, syurga, neraka, al-hisab, mizan, sirat dan syafaat. Sedangkan implikasi dari pemahaman akidah LDII terhadap bidang keberagamaan, politik, ekonomi dan sosial budaya.

4.2 Akidah

4.2.1 Bidang Ketuhanan (*Ilahiyyat*)

Isu ketuhanan merupakan isu penting dalam akidah Islam. Bermula dari isu ketuhanan tumbuh pelbagai isu akidah lainnya. Untuk melihat bagaimana pengaruh faham akidah LDII di sini akan dibincangkan isu-isu yang dipandang dapat mewakili, sebagai berikut:

4.2.1.1 Kewujudan Allah (*al-Mawjud*)

Selari dengan pandangan jumhur ulama LDII tidak meragui kemestian adanya Tuhan. LDII memperkuat keyakinannya bahawa Tuhan mesti ada dan mesti pula merupakan Zat Yang Maha Esa. Dalam membuktikan kewujudan Tuhan (*al-Mawjud*), para *mutakallimīn* mempergunakan dalil *naqli*, dan dalil *'aqliyah*. Pada awal mula dalil-dalil *'aqliyah* dimaksudkan oleh para *mutakallimīn* untuk mempertahankan akidah umat Islam dari serangan musuh-musuh Islam yang tidak mempercayai dan memperakui al-Qur'an sebagai wahyu dari Tuhan.¹ Walaubagaimanapun pada tahap berikutnya oleh *mutakallimīn* dalil *'aqliyah* diguna pakai dalam *Uṣul al-Dīn* dengan matlamat memperteguh akidah umat.

Dalil *naqliyah* dan *'aqliyah* dalam mengkaji kewujudan Tuhan (*al-Mawjud*) terus berkembang dan diikuti oleh individu mahupun pertubuhan sosial kegamaan. Dasar *'aqli* dan *naqli* dalam membuktikan kewujudan Tuhan (*al-Mawjud*) seperti; dilakukan oleh organisasi LDII. Paham akidah LDII dalam menyakini kewujudan Tuhan (*al-Mawjud*) terlihat pada *tawhid Rubūbiyyah* dan *tawhid Ulūhiyyah*. Pada *tawhid Rubūbiyyah* LDII menyakini bahawa Allah-lah satu-satunya Maha Pencipta, Maha

¹Abdurrahman Al-Bazdawi (1971), *Mazahib al-Islamiyyīn*, Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayyin, h. 9

Pemilik, Maha Pengendali alam semesta yang dengan takdirNya, Ia menghidupkan dan mematikan serta mengendalikan alam dengan sunah-sunahNya.

Pada *tawhid Ulūhiyyah* mengikut LDII hanya Allah yang wajib disembah, tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah, iaitu Tuhan yang memiliki seluruh alam dan Maha Pengatur seluruh kehidupan. Selain itu Allah dikenal sebagai Tuhan Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Dia juga Maha Sempurna lagi Maha Suci, Maha Kaya dan berhajat kepadaNya segala sesuatu daripada-Nya. Allah adalah *dhat* yang *wajib al-wujūd*, mempunyai *ṣifat-ṣifat*, *asmā'*, dan *af'āl* kesemuannya Maha Esa (*tawhid ṣifat wa al-asmā'*).

Nurhamidhadi menyatakan bahawa untuk memahami kewujudan Tuhan harus merujuk kepada dua dalil iaitu *pertama* al-Qur'an dan hadith (*dalil naqli*) dan *kedua* alasan rasional (*'aqli*). Dengan al-Qur'an diperolehi dalil-dalil yang menunjukkan bahawa wujud Allah itu ada, seperti Allah Maha Pencipta alam dan seluruh isinya, Allah menghidupkan dan mematikan serta mengendalikan alam dengan sunah-sunahNya dan segala sesuatu yang telah ditakdirkanNya.² Selanjutnya dalam memahami tentang kewujudan Tuhan sebagai alasan *naqli* iaitu firman Allah tentang penciptaan langit dan bumi serta isinya:

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ ۚ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا
لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ ۚ إِنَّ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Ertinya:” Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betulah kamu hanya beribadat kepada Allah”.

Sūrah Fussilat (41): 37

² Nurhamidhadi, (Ketua DPD LDII Provinsi Jambi) dalam temubual, dengan penulis, 5 Mei 2008

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ ۗ مَا لَكُمْ مِّن دُونِهِ مِن وَلِيٍّ وَلَا شَفِيعٍ ۗ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ

Ertinya: “Allah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dalam enam masa, kemudian ia bersemayam di atas Arasy; kamu tidak akan peroleh sebarang Penolong dan pemberi syafaat selain dari Allah; oleh itu tidakkah kamu mahu insaf dan mengambil iktibar (untuk mencapai keredaanNya)?”

Sūrah al-Sajadah 32: 4

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ لَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ

Ertinya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa; Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakan; "Dan tidak ada sesiapa yang serupa denganNya".

Surah al-Ikhlās 112: 1-4

Menurut Nurhamidhadi selanjut bahawa untuk mengenali kewujudan Allah (*al-Mawjud*) adalah melalui ciptaan-ciptaanNya. Kerana sesuatu yang diciptakan sudah pasti ada yang mencipta dan yang mencipta ialah Tuhan Yang Maha Pencipta dan tidak berkemungkinan bahawa sesuatu tercipta tanpa pencipta.³ Demikian pula dengan pandangan Deson Feri bahawa untuk mengetahui kewujudan Tuhan dengan memerhati penciptaan alam dengan segala kelengkapannya (*tawhid Rubūbiyyah*). Terwujudnya alam semesta menunjukkan adanya Yang Maha Pencipta iaitu Allah S.W.T.⁴ Menurut Deson Feri sebagaimana firman Allah:

وَمِن آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَنَائِكُمْ ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

³ Nurhamidhadi, (Ketua DPD LDII Provinsi Jambi) dalam temubual dengan penulis, Jambi, 15 Mei 2008

⁴ Desonferi, (Ketua DPD LDII Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 20 Mei 2008

Ertinya: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.”

Sūrah al-Rūm (30): 22

Kemudian ahli LDII dalam membuktikan kewujudan Allah s.w.t ialah *fitrah* penciptaan manusia. Manusia sejak dilahirkan telah membawa keyakinan adanya Tuhan yang menciptakan disebut dengan *gharizah dīniah*.⁵ *Gharizah dīniah* adalah satu-satunya yang membatasi antara makhluk Tuhan iaitu manusia dengan binatang. Kerana bentuk *fitrah* kemanusiaan bahawa manusia akan kembali kepada Tuhan apabila terbatas kepada suatu perkara yang tidak dapat diselesaikannya. Dalam perkara ini ahli LDII merujuk daripada firman Allah:

وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ الضُّرُّ دَعَانَا لِجَنْبِهِ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَائِمًا فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُ مَرَّ
كَأَن لَّمْ يَدْعُنَا إِلَى ضُرِّ مَسَّهُ ۚ كَذَلِكَ زُيِّنَ لِلْمُسْرِفِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

Ertinya: “Dan apabila seseorang manusia ditimpa kesusahan, merayulah ia kepada Kami (dalam segala keadaan), sama ada ia sedang berbaring atau duduk ataupun berdiri; dan manakala Kami hapuskan kesusahan itu daripadanya, ia terus membawa cara lamanya seolah-olah dia tidak pernah merayu kepada Kami memohon hapuskan sebarang kesusahan yang menyimpannya (sebagaimana ia memandang eloknya bawaan itu) Demikianlah diperelokkan pada pandangan orang-orang yang melampau apa yang mereka lakukan.”

Sūrah Yunus (10): 12

⁵ Ertinya: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya Kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tawhid) ini". Atau supaya kamu tidak mengatakan: "Sesungguhnya ibu bapa Kamilah yang melakukan syirik dahulu sedang Kami ialah keturunan (mereka) yang datang kemudian daripada mereka. Oleh itu, Patutkah Engkau (Wahai Tuhan kami) hendak membinasakan Kami disebabkan perbuatan orang-orang yang sesat itu?" Dan demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu (supaya nyata segala kebenaran), dan supaya mereka kembali (kepada kebenaran). (Surah al-A'raf (7): 172-174

Ahli LDII dalam membuktikan kewujudan Tuhan juga melalui pengalaman-pengalaman hidup yang telah dilaluinya. Menurut Ibnu Sabil bahawa pengalaman-pengalaman manusia dalam kehidupan di dunia ini sebenar telah membimbing manusia sampai kepada penemuan Allah S.W.T. secara sadar, kerana pengalaman-pengalaman dapat membuka segala macam hakikat yang ia sendiri pasti tidak merasakan dengan panca inderanya.⁶

Abdulah Syarofi dalam konteks *al-Mawjud*, menyatakan bahawa manusia dalam kehidupan itu dapat memperoleh pengalaman yang membimbingnya berma'rifat kepada Allah S.W.T. dan boleh membawa dirinya untuk menyadari kewujudan Allah (*al-Mawjud*) sebagai Zat Yang Maha Menciptakan, Yang Maha Menguasai dan Yang Maha Menyebabkan segala macam sebab. Abdulah Syarofi mencontohkan bahawa proses kejadian manusia yang diawali oleh pertemuan sel lelaki (*sperma*) dan sel perempuan kemudian menjadi segumpal darah, menjadi daging seterusnya berkembang menjadi janin dan seterusnya menjadikannya manusia sempurna.⁷

Pandangan ahli LDII dalam memahami kewujudan Tuhan (*al-Mawjud*) juga selari dengan padangan amnya umat Islam Provinsi Jambi iaitu dengan merujuk kepada dalil *naqli* dan *'aqli*. Menurut M. Jamin bahawa untuk memahami kewujudan Tuhan dapat melalui *tawhid Rubūbiyyah* (Allah sebagai Maha Pencipta, Pemelihara, Pelindung, Mentadbir), *tawhid Ulūhiyyah* (Allah yang wajib disembah), serta *tawhid asmā'* dan *ṣifat*. Kerana dengan memahami *tawhid Rubūbiyyah* diketahui kewujudan Tuhan sebagai Maha Pencipta, Maha Pelindung, Maha Pengasih dan lain sebagainya. Demikian juga melalui *tawhid Ulūhiyyah*, diperolehi tujuan penciptaan manusia adalah sebagai hamba dan khalifah Allah. Begitu juga dengan memahami *ṣifat* dan *al-asmā'* diperolehi sifat-sifat kebesaran Allah dalam mempertingkatkan baik *tawhid Rubūbiyyah*

⁶ Ibnu Sabil, (Ahli LDII, Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 17 Sungai Penuh, 23Julai 2008

⁷ Abdallah Syarofi, (Mubaligh LDII Dewan Pimpinan Daerah Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 15 Julai 2008

mahupun tawhid *Uluhiyyah*.⁸ Sedang untuk membuktikan *al-mawjud* tersebut, melalui dalil *naqli* dan ‘*aqli*.

Merujuk pandangan ahli LDII di atas mengenai kewujudan Tuhan, paham akidah LDII telah mempengaruhi paham dan fikiran ahli LDII dalam berakidah. Dalam masalah kewujudan Tuhan (*al-mawjud*) para ahli LDII dalam memahami kewujudan Tuhan merujuk kepada dalil al-Qur’an dan hadith. Demikian dalam menguatkan kewujudan Tuhan dengan menggunakan akal sebagai penyokong semata dan bukan merupakan dalil utama dalam menetapkan kewujudan Tuhan tersebut. Pandangan ahli LDII yang demikian selari dengan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam membuktikan kewujudan Allah melalui *tawhid Rubūbiyyah*, *tawhid Uluhiyyah* dan *tawhid asmā’ wa sifat*.

4.2.1.2 *Şifat Allāh dan Asmā’ Allāh*

Pembahasan kedua mengenai *Ilahiyyat* ialah mengenai *şifat* dan *asmā’*. Ahli LDII dalam padangan ini berkeyakini bahawa Allah S.W.T. mempunyai sifat dengan sifat-sifat kesempurnaan, suci bersih dari segala kekurangan dan sifat-sifat Allah tidak menyerupai sifat-sifat makhluk. Dengan erti kata bahawa dalam mengisbatkan bagi Allah nama-nama dan sifat-sifat yang Allah sendiri menetapkan dalam al-Qur’an bagi Zat-Nya dan mengisbatkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadith, tanpa mengubah lafaz-lafaz dan makna-maknanya. Tanpa *menta’tilkan* (mengikari), tanpa *mentakyifkan*, (menetapkan *kaiḥiyyah*) dan tanpa menyerupakan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk.

Menerusi pandangan dan keyakinan terhadap sifat Allah, Radmojo menyatakan Allah memiliki nama-nama dan sifat-sifat yang harus diyakini sebagaimana disebutkan

⁸ M. Jamin, (Naib Ketua Forum Kerukunan Umat Beragama Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Sungai Penuh, 22 Julai 2008

dalam al-Qur'an dan al-Hadith, dan wajib menyakini nama-nama dan sifat-sifat Allah, harus menyucikan (*taṣbih*) dari sebarang penyerupaan kepada makhluk (*tajsim*), mengimani yang telah *sabit* tanpa mengurang, mengubah, dan mentaktikannya.⁹

Nurhamidhadi menyatakan bahawa satu bentuk keyakinan dalam membangun akidah Islam adalah menyakini bahawa Allah mempunyai nama dan sifat. Menyakini *Ṣifat* dan *al-asmā'* ini, harus beriktikad juga bahawa Allah S.W.T. bersifat dengan sifat kesempurnaan, suci bersih dari sifat kekurangan dan tidak menyerupai sifat-sifat makhluknya.¹⁰

Sebagaimana diketahui dalam perkembangan pemikiran akidah Islam (*theology*), untuk memudahkan manusia mengenal sifat-sifat Allah para ulama telah meringkaskan seperti; menjadi duapuluh sifat, dan ada pula yang mengatakan tiga belas sifat. Kemudian daripada itu para ulama tawhid telah membahaginya kepada 3 kategori sifat yang utama iaitu wajib, mustahil dan harus. Seterusnya membahagikan kepada sifat wajib dibahagikan kepada sifat *Nafsīyah*, *sifat Salbīyah* dan *sifat Ma'ānī* sifat-sifat Allah tersebut.

Dalam konteks memahami *Ṣifat* dan *al-Asmā'* ahli LDII menyakini sifat-sifat Allah tersebut secara *mujmal* menerusi daripada al-Qur'an dan hadith. Terhadap pebahagian sifat Allah oleh para ulama mereka menerima sebagai jalan memahai sifat Allah tetapi ahli LDII tidak mengkaji lebih rinci. Menurut mereka, kerana Allah mempunyai sifat-sifat yang banyak melebihi yang dikategorikan oleh *mutakalimin* khasnya ulama tawhid. Pandangan mereka adalah sebagaimana firman-Nya;

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مَدَادًا لَكَلِمَتِ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنفِدَ كَلِمَتِ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا

بِمِثْلِهِ مَدَدًا

⁹ Ratmojo, (Mubaligh LDII Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kayu Aro, 12 Mei 2008

¹⁰ Nurhamidhadi, (Ketua DPD LDII Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 16 Mei 2008

Ertinya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan".

Sūrah al-Kahfi (18): 109

Merujuk kepada sumber tersebut, maka jenis-jenis sifat yang diyakini oleh ahli LDII terbahagi kepada dua jenis; iaitu *ṣifat dhat* dan *ṣifat fi'il* (perbuatan). Sifat Zat ialah sifat-sifat yang lazim bagi Allah dan tidak bercerai tanggal daripadanya seperti; adanya zat Allah (*al-Nafs*), Hidup (*al-Ḥayah*), Mendengar (*al-Sami'*), Muka (*al-Wajh*), Sedia (*al-Qadīm*), Keagongan (*al-'Aḍim*), Tinggi (*al-'Uluww*), Belas Kasihan (*al-Rahmah*), Mengetahui (*al-'Alim*), Berkuasa (*al-Qadrah*), Melihat (*al-Baṣir*), Bercakap (*al-Kalām*), Memiliki (*al-Mulk*), Kebesaran (*al-Kibriya'*), Kaya (*al-Ghaniy*), dan Bijaksana (*al-Ḥakimah*).

Sedangkan sifat perbuatan atau *fi'il* ialah sifat-sifat yang tertakluk dengan kehendak Allah dan *qudrat*-Nya seperti; Bersemayan (*al-Istawā'*), Datang (*al-Muhyiy*), Ketawa (*al-Ḍahāk*), Cinta (*al-Ḥub*), Marah (*al-Sakht*), Murka (*al-Ghadab*), Turun (*al-Nuzūl*), Tertarik hati (*al-'Ajib*), Reda (*al-Redā*), Marah (*al-Karah*), Gembira (*al-Farh*), Tipu helah (*al-Mukr*), dan Tipu dalam membinasakan (*al-Kīd*).

Ahli-ahli LDII dalam menyakini sifat-sifat Allah tidak melakukan pengkajian lebih mendalam sebagaimana pengikut kefahaman sifat dua puluh, tidak melakukan *ta'wīl* seperti kaum Mu'tazilah. Demikian juga membincangkan tentang apakah sifat Allah itu berada pada zat Allah atau di luar zat Allah seperti yang dibincangkan oleh ulama tawhid. Menurut mereka akal fikiran manusia tidak mampu memikirkan zat dan sifat Allah, kerana akal fikiran manusia terbatas.

Padangan mengenai sifat Allah sebagaimana dikemukakan oleh Edi.S penasihat LDII Kabupaten Kerinci, bahawa menyakini sifat-sifat Allah tunduk kepada maksud dan makna keterangan daripada al-Qur'an dan Hadith serta tidak menta'wilkan kepada makna yang lain agar tetap terpelihara kesucian sifat-sifat Allah dari makna yang tidak dikehendaki oleh makna sifat itu sendiri kerana manusia memiliki kemampuan akal fikiran yang terhad.¹¹

Memperhati sikap dan pandangan ahli LDII dalam memahami sifat Allah S.W.T. dengan tidak mentakwilkan, atau membahasnya lebih terinci kerana keterbatasan manusia sendiri dalam memahami sifat-sifat Allah S.W.T. Pandangan mereka terhadap keterbatasan kemampuan memahami kerana terikat dengan firman Allah:

قُلْ لَّيْسَ بِكُمْ عِلْمٌ أَعْلَمُ أَمْرِ اللَّهِ ...

Ertinya: "Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah...."¹².

Berasaskan dalil yang dipergunakan menurut ahli LDII bahawa kemampuan 'aqliyah terbatas untuk memahi tentang sifat-sifat Allah secara mendalam. Ahli LDII juga menyakini bahawa Allah mempunyai 99 nama iaitu *al-Asmā' al-Husna* (nama-nama Allah yang elok) menerusi pengkhabaran daripada al-Qur'an dan hadith Nabi s.a.w. Untuk menyokong kefahaman ini, mengemukakan beberapa ayat sebagai berikut:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ ۚ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Ertinya: "Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran

¹¹ Edi.S, (Penasihat DPD LDII kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Tanjung Pauh, 5 Mei 2008

¹² Sūrah al-Baqarah (2): 140

dalam masa menggunakan nama-namaNya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.”

Surah al-A'raf (7): 180

قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ...

Ertinya: ”Katakanlah (Wahai Muhammad): "Serulah nama "Allah" atau nama "Ar-Rahman", yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia”.

Surah al-Isrā (17): 110

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Ertinya: “Dialah Allah, yang menciptakan sekalian makhluk; yang mengadakan (dari tiada kepada ada); yang membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut yang dikehendakiNya); bagiNya adalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadanya segala yang ada di langit dan di bumi; dan Dia lah yang tiada bandingNya, lagi Maha Bijaksana”.

Surah al-Hasyr (59): 24

Terhadap nama-nama Allah yang berjumlah 99, para ahli LDII juga mempunyai kecenderungan dengan pandangan para ulama amnya dan khasnya salafiyah bahawa penetapan 99 bukanlah bererti terhadap pada bilangan itu, bahkan maksud bilangan itu menerangkan bahawa Allah mempunyai *asma* yang lebih banyak daripada 99 tersebut.

Dalam menyakini *asmā' Allāh*, ahli-ahli LDII juga tidak memberi penjelasan mendalam. Mereka menyakini nama-nama Allah sebagaimana adanya serta tidak menghubungkait dengan anasir-anasir lain. Persamaan pada *asmā' Allāh* dengan nama makhlukNya tidak semestinya menunjukkan adanya persamaan di antara Allah dengan

makhluKNya, sama ada pada zat dan sifat. Menurut para ahli DII kerana Allah sendiri telah menyatakan dalam firmanNya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

Ertinya: “Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya)”

Surah Asy-Syura (42): 11

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa ahli-ahli LDII mengakui Allah mempunyai sifat sebagaimana terkandung dalam al-Qur’an. Sungguhpun demikian ahli LDII tidak mahu melibatkan dirinya dalam membincangkan tentang sifat dan asma’ Allah sebagaimana yang diperbincangkan ulama tauhid. Menurut ahli LDII akal fikiran manusia tak mampu memikirkan zat dan sifat Allah. Memperhatikan pandangan ahli LDII di atas, mereka mempunyai persamaan dengan pandangan Salaf dan Salafiyah menyakini sifat dan asma Allah S.W.T tidak menta’wilkan kepada lain erti dengan tujuan memurnikan akidah dengan mengembalikan pemaknaan dari sifat-sifat mahupun nama-nama Allah kepada al-Qur’an dan Hadith Nabi s.a.w.

4.2.1.3 Melihat Allah di Akhirat

Satu persoalan yang juga menjadi perbincangan ahli LDII dalam masalah akidah ialah melihat Allah di akhirat. Dalam pandangan LDII secara amnya mereka menyakini bahawa di akhirat Allah dapat dilihat. Terhadap keyakinan ini ahli LDII tidak syak bolehnya melihat Allah di akhirat.

Sabri menyatakan bahawa Allah di akhirat boleh dilihat dengan mata. Pandangan tersebut berasaskan daripada kekuasaan Allah atas segala sesuatu. Dengan kekuasaan tersebut, Allah membolehkan hamba-hamba yang salih mendapatkan nikmat dapat

melihat Allah di akhirat.¹³ Pandangan Sobri bila dianalisis kerana prinsipnya LDII dalam memahami *al-Sam'iyat* merujuk kepada dalil al-Qur'an dan Hadith kerana pemahaman tentang *al-Sam'iyat* tidak dapat dijelaskan dengan akal.

Demikian juga yang dikatakan oleh Nuriman, Allah di akhirat boleh dilihat kerana itu merupakan janji Allah kepada hamba-Nya. Oleh itu, kami menyakini sebagaimana yang difirmankan oleh Allah dan disabdakan oleh Nabi s.a.w. termasuk melihat Allah S.W.T. di akhirat. Sebab jika menolak kemungkinan melihat Allah di akhirat bererti menolak hadith sahih yang menjelaskan tentang kemungkinan melihat Allah di akhirat. Kemudian bagaimana manusia mempunyai keupayaan melihat di akhirat kita serahkan kepada Allah S.W.T.¹⁴

Keyakinan mereka dalam menyakini kebolehan Allah dilihat di akhirat iatu melalui pengkhabaran ialah firman Allah:

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاصِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

Ertinya: “Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri; melihat kepada Tuhannya.”

Surah al-Qiyamah 75:22-23

Dalam memahami ayat tersebut, mereka memajukan hadith dari Rasulullah:

حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا مَرْوَانُ بْنُ مُعَاوِيَةَ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ عَنْ قَيْسٍ عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَنَظَرْنَا إِلَى الْقَمَرِ لَيْلَةً يَعْنِي الْبَدْرَ فَقَالَ إِنَّكُمْ سَتَرُونَ رَبُّكُمْ كَمَا تَرُونَ هَذَا...¹⁵

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami Al Humaidi berkata, telah menceritakan kepada kami Marwān bin Mu'āwiyah berkata, telah menceritakan kepada kami Isma'il dari Qais dari Jarir bin 'Abdullah berkata, "Pada suatu malam kami pernah bersama Nabi shallallahu

¹³ Sobri, (Mubaligh LDII DPD LDII Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kayu Aro, 8 Mei 2008

¹⁴ Nuriman (Mubaligh LDII PAC Kayu Aro), dalam temubual dengan penulis, Bengkolan Dua 6 Mei 2008

¹⁵ Lihat Abū 'Abd Allah Muhammad ibn Ismail ibn al-Mughirah ibn Barzabah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Bab Fadl Salat al-Fajr*, hadith Nomor 521 Juz 1

'alaihi wasallam, beliau lalu melihat ke arah bulan purnama. Kemudian beliau bersabda: "Sesungguhnya kalian akan melihat Rabb kalian sebagaimana kalian melihat bulan purnama ini...."

Pandangan ahli LDII terhadap kemampuan manusia melihat Allah di akhirat juga selari pandangan ulama-ulama Jambi amnya seperti; Kiai Haji Jaszrizal Zakir yang berpendapat bahawa orang mukmin di akhirat dapat melihat Tuhan semasa di dalam Shurga. Bagaimana orang mukmin dapat melihat Tuhan merupakan karunia Allah S.W.T.¹⁶ Demikian juga dengan pandangan Ketua Muhammadiyah Kerinci Haji Bahrum Jalil, yang berpendapat bahawa sesuai dengan firman Allah dalam surah Qiyamah (75): 22-23 orang-orang yang beriman diberi kenikmatan dapat melihat Allah di akhirat. Namun bagaimana dapat melihat Tuhan kita serahkan kepada Allah s.a.w.

Pelbagai pandangan mengenai bolehnya melihat Allah di akhirat, ahli LDII tidak menjelaskan lebih rinci, bagaimana bolehnya melihat Allah, apakah secara langsung mahupun *bila kaif*. Mereka menyakini sahaja pengkhabaran dan tidak menta'wilkan sebagaimana kefahaman Mu'tazilah bahawa melihat Allah di akhirat dengan penglihatan rohani sahaja.

Pandangan LDII ini selari ulama Agung Hamka yang menyatakan bahawa Allah dapat dilihat di akhirat kerana Allah Maha Kuasa, dapat membuatkan hamba boleh melihatnya. Akan tetapi melihat Allah di akhirat itu menurut Hamka bukan dengan mata kepala, tetapi bila "*kaifa*" yang sependapat pula dengan Ash'ariyyah yang menyatakan Allah dilihat di akhirat oleh orang yang beriman.¹⁷

Pandangan para ahli LDII dalam menyakini bolehnya Allah dilihat di akhirat mempunyai persamaan dengan organisasi Persatuan Tarbiyah Islamiyyah (Perti), Nahdlatul Ulama (NU), al-Wasliyah dan Muhammadiyah. Menganalisis pandangan

¹⁶ Drs.Kiai Haji Jaszrizal Zakir, (Ketua Kerukunan Umat Beragama (FKUB) Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 27 05 Julai 2008

¹⁷ Hamka, Tafsir al-Azhar, Juz 21, h. 264

ahli LDII dalam persoalan melihat Allah mempunyai kesamaan faham Salafiyah yang menyakini bahawa di akhirat orang-orang yang beriman dapat melihat Allah dengan tidak menta'wilkan ayat yang memberikan pengkhabaran bolehnya Allah dilihat di akhirat.

4.2.1.4 Pemahaman Ayat *Tashbih*

Dalam memelihara aspek *wahdahniyah al-ḍat wal-ṣifah*, memberi pengertian bahawa Allah tidak ada sesuatu yang menyerupai-Nya. Allah tidak berupa *jism*, tidak tersusun dari bahagian-bahagian tertentu, dan tidak berada dalam dimensi waktu serta ruang. Kedua, zat Allah itu tidak berbilang.¹⁸ Pemeliharaan kemurnian akidah tawhid dari aspek *wahdahniyah al-ḍat wal-ṣifah* yang memberi erti tidak menerima terhadap segala penyerupaan (*nafy al-taṣbīh*).

LDII dalam memahami ayat-ayat *mutashābihat* sangat berpegang prinsip menjaga kemurnian akidah tawhid dan menolak pandangan golongan Mujasimah. Menurut para ahli LDII, memandang Allah yang memiliki *jism* sangat bercanggah dengan rasio (akal), tetapi juga sangat bercanggah dengan *naṣ* yang tidak ada sama sekali menyebut Allah dengan *jism*.

Oleh itu, dalam menjaga kemurnian akidah khasnya terhadap ayat-ayat yang bermakna *tashbīh* seperti kata-kata; *'ala al-'arsh istiwā, ain, wajh, yad* ahli-ahli LDII memahami lafaz-lafaz tersebut menurut erti zahir tidak mempertanyakan dan menjelaskan lebih jauh. Mereka menyerahkan pengetahuan hakikat erti zahiriah kepada Allah S.W.T. dan tidak mengertikan dengan jalan *ta'wīl*.

¹⁸ Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.*, h. 238

Pandangan ini sebagaimana mubaligh LDII mengungkapkan bahawa kami dalam memahami ayat-ayat *mustashābihat* tidak menta'wilkan kepada pengertian yang lain.¹⁹ Demikian juga menurut Haji Topan bahawa untuk menghidarkan kesalahan dan menjaga kemurnian *tawhid al-ṣifāh* terhadap ayat-ayat *mutashābihat* kami ertikan sebagaimana maksud ayat dan tidak menta'wilkan kepada pengertian yang lain.²⁰

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa pemahaman ahli LDII terhadap ayat-ayat *mutashābihat* selari dengan aliran Salaf, Ash'ariyyah iaitu memahami ayat-ayat *tashbīh* dengan erti harfiyahnya kerana mereka sama-sama berpegang kepada *manhaj tafwidh*. Walaubagaimanapun kefahaman terhadap ayat-ayat *tashbīh* juga kepada ayat-ayat *tashbīh* yang bermakna am dan bermakna khas.

4.2.2. Hubungan Manusia dengan Tuhan

4.2.2.1 *Īmān* dan Kufur

Merujuk daripada kefahaman LDII dalam aspek iman, mereka berpandangan bahawa iman merupakan perpaduan antara pernyataan dengan lisan (*iqrar bi lisān*), keyakinan dengan hati (*taṣdiq bi qalb*) dan diamalkan dalam perbuatan yang dikenal dengan konteks iman dalam bentuk *makrifat*. Konsep keimanan LDII demikian tersebut telah memberi pengaruh kepada ahli-ahli LDII. Mereka berkeyakinan bahawa iman itu pengakuan dengan hati, ikrar dengan lisan dan amal dalam perbuatan seperti dakwah LDII kepada mereka. Kenyataan itu, dikemukakan seorang mubaligh LDII bahawa iman merupakan perpaduan dari ucapan dengan lisan, keyakinan hati dan diamalkan dalam perbuatan.²¹ Lebih lanjut menurutnya iman tidak sekadar pengakuan sahaja, ataupun

¹⁹ Ratmojo, (Mubaligh LDII Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kersik Tua, 8 April 2009

²⁰ Haji Topan, (Biro Pendidikan Agama dan Dakwah provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 10 April 2009

²¹ Sobri, (Ketua Mubaligh LDII PC Kayu Aro), dalam temubual dengan penulis, Kayu Aro, 7 Mei 2009

ucapan kerana iman itu harus terwujud dalam sikap dan amalan dan iman pula dapat bertambah dan berkurang.

Dalam pandangan ahli LDII, iman itu bertambah tergantung pada pengikraran hati, ketenangan dan kemantapannya. Keimanan itu akan bertambah dari dirinya sendiri, ketika seseorang menghadiri majlis dzikir dan mendengarkan nasehat didalamnya, disebutkan perihal surga dan neraka; maka imannya akan bertambah sehingga seakan-akan ia menyaksikannya dengan mata kepala.

Iman juga bertambah tergantung pada pengucapan, maka orang berdzikir sepuluh kali tentu berbeda dengan yang berdzikir seratus kali. Yang kedua tentu lebih banyak tambahannya. Demikian halnya dengan orang yang beribadah secara sempurna bertambah imannya daripada orang yang kurang ibadahnya. Dalam hal amal perbuatan pun juga demikian, orang yang amalan dengan anggota badannya jauh lebih banyak daripada orang lain, maka ia akan lebih bertambah imannya daripada orang yang tidak melakukan perbuatan seperti dia.

Dengan pandangan bahawa iman merupakan perpaduan antara ucapan, iktikad dalam hati dan amal dalam perbuatan maka amal mempengaruhi peringkat keimanan. Artinya iman bertambah seiring pelaksanaan amal atau sebaliknya berkurang bila melaksanakan perbuatan yang dilarang. Kefahaman mereka terlihat dari firman Allah sebagai berikut:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ

وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿١٠٦﴾

Ertinya:”Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan Ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tawhid; dan supaya mereka mendirikan

sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar”.

Sūrah al-Bayinah (98): 5

Demikian juga dengan hadith Nabi s.a.w.:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرٍو عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ

رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا²²

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami Ahmad bin Hanbal berkata, telah menceritakan kepada kami Yahya bin Sa’id dari Muhammad bin Amr dari Abi Salamah dari Abu Hurairah ia berkata, "Rasulullah s.a.w.. bersabda: "Kaum mukminin yang paling baik imannya adalah yang paling baik akhlaknya."

Selanjutnya untuk menunjuk hubungkait iman dengan amal, dilingkungan LDII bahawa setiap ibadah yang dilaksanakan harus bersih dari unsur-unsur yang membatalkan dan merosak ibadah. Salah seorang mubaligh LDII mengemukakan bahawa untuk menjaga ketelusan iman maka setiap ibadah harus bersih dari syirik, khurafat dan bidaah.²³ Dalam hal ini, mereka mengasaskan kepada firman Allah:

Ertinya: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukan-Nya dengan sesuatu (apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut peraturan hukum-hukum-Nya); dan sesiapa yang memper-sekutukan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka Sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh”.

Sūrah al-Nisā (4): 116

Ertinya: “Sedang ia tidak menanggung budi sesiapa pun, yang patut di balas, hanyalah mengharapkan keredaan Tuhannya yang Maha Tinggi;. Dan demi sesungguhnya, ia tetap akan berpuas hati (pada hari akhirat, dengan mendapat segala yang diharapkannya).”

Sūrah al-Lail (92): 19-21

²² Abu Dawūd, *Sunan Abū Daūd.*, Hadith No. 4684, Juz 13, Dār al-Hadith Syiria, h. 412

²³ Nuriman, (Mubaligh LDII PAC Kayu Aro), dalam temubual dengan penulis, Kersik Tua, 7 Mei 2009

Ertinya: “Seungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk”.

Sūrah al-Bayinah (98): 7

Memandangkan kepada asas yang dikemukakan oleh ahli-ahli LDII, iman bukan sekedar *taşdiq* sebagaimana pandangan Murjiah yang berpandangan bahawa amal tidak berpengaruh kepada keimanan seseorang dan bahkan ucapan kekafiran yang keluar dari lidahnya tidak membatalkan keimanan. Demikian juga dengan pandangan Imam Abu Hanifah bahawa iman adalah *iqrar dan taşdiq*.²⁴

Kemudian dalam upaya menyempurnakan keimanan sebagai wujud daripada *makrifah* di lingkungan LDII, tidak hanya menerima sahaja tanpa mempelajari lebih mendalam tentang iman. Mereka harus meyakini benar akan apa yang dia diyakini, haruslah melalui pemahaman yang lebih mendalam. Mereka melaksanakan pengajian-pengajian kepada sumber asli yaitu al-Qur’an dan hadith dengan sistem *manqul musnad muttasil*. Dengan pengajian-pengajian langsung dimaksudkan pesan-pesan dari syariat sampai tujuan yang dimaksudkan. Sehingga harapan dalam menjaga kemurnian pedoman, pengamalan dan tujuan terwujud dalam setiap ibadah sebagai buah keimanan.

4.2.2.2 Perbuatan Hamba (*Af’al al-‘Ibad*)

Perbincangan terhadap perbuatan hamba memiliki hubungkait yang erat dengan kekuasaan mutlak Allah. Oleh golongan rasional (*Mu’tazilah*), kekuasaan Tuhan sebenar tidak bersifat mutlak, tetapi dibatasi oleh kebebasan yang diberikan-Nya kepada manusia dalam menentukan kemahuan dan perbuatan mereka, kemudian dibatasi oleh keadilan Tuhan sendiri, kewajipan-kewajipan Tuhan terhadap manusia, bahkan dibatasi oleh sunah Allah yang ditetapkan oleh Tuhan Sendiri.

²⁴ Al-Qari, *Sharh Al-Fiqh al-Akbar*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t. h. 304

Paham mengenai perbuatan hamba dalam akidal LDII tercermin pada keyakinan terhadap *qada* dan *qadar* Allah S.W.T. LDII menyakini bahawa segala sesuatu telah ditetapkan oleh Allah. Demikian juga dengan ketetapan yang digariskan kepada manusia termasuk perbuatan seorang hamba. Ertinya segala yang terjadi di alam semesta ini, semuanya berjalan sesuai dengan kehendak Allah dan juga mengikuti peraturan-peraturan yang telah Allah tetapkan dalam alam *mawjud*.

Pandangan LDII di atas, sejalan dengan *tawhid Rubūbiyyah* bahawa unsur keyakinan dalam apek ini, menyakini bahawa tiap-tiap sesuatu yang berlaku tidak terkeluar dari *qadrat* dan *iradat* Allah. Dengan erti lain bahawa Allah S.W.T. adalah pencipta mutlak bagi alam ini; dalam menciptakan, mentadbir, mengubah, mengurus, menambah, mengurang, menghidup, memati dan lain-lain tanpa menyekutuinnya oleh yang lain dalam penciptaan-Nya. Pandangan ahli LDII ini sebagaimana firman Allah:

ط
وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾

Ertinya: “Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisiNya dengan kadar yang tertentu.”

Surah Ra’d (13): 8

ج
وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ ۗ مَا كَانَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ... ﴿٦٨﴾

Ertinya. “Dan Tuhanmu menciptakan apa yang dirancangkan berlakunya, dan Dia lah juga yang memilih (satu-satu dari makhlukNya untuk sesuatu tugas atau keutamaan dan kemuliaan); tidaklah layak dan tidaklah berhak bagi sesiapaupun memilih (selain dari pilihan Allah).

Surah al-Qasas (28): 68

Jadi berdasarkan kepada firman-firman Allah tersebut, sesuatu terjadi berdasarkan kepada kudrat, iradat dan ilmu Allah. Demikian juga perbuatan Allah adalah kehendak bebas dan kekuasaan mutlak daripada Allah S.W.T. Oleh itu, Allah tidak mempunyai kewajiban-kewajiban kepada makhlukNya. Di samping itu, Allah juga melaksanakan janji dan ancaman-Nya.

Bagi ahli-ahli LDII keyakinan terhadap ketentuan takdir merupakan satu syarat dari keislaman seseorang yang mempunyai hubungkait dengan keyakinan lainnya, sebagaimana hadith berikut:

حَدَّثَنَا جَعْفَرُ بْنُ مُسَافِرٍ الْهُدَلِيُّ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ حَسَّانَ حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ رَبَاحٍ عَنْ إِبْرَاهِيمَ بْنِ أَبِي عُبَلَةَ
عَنْ أَبِي حَفْصَةَ قَالَ قَالَ عُبَادَةُ بْنُ الصَّامِتِ لِابْنِهِ يَا بُنَيَّ إِنَّكَ لَنْ تَحِدَ طَعْمَ حَقِيقَةِ الْإِيمَانِ حَتَّى تَعْلَمَ
أَنَّ مَا أَصَابَكَ لَمْ يَكُنْ لِيُحِطِنَكَ وَمَا أَخْطَأَكَ لَمْ يَكُنْ لِيُصِيبِكَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَقُولُ إِنَّ أَوَّلَ مَا خَلَقَ اللَّهُ الْقَلَمَ فَقَالَ لَهُ أَكْتُبْ قَالَ رَبِّ وَمَاذَا أَكْتُبُ قَالَ أَكْتُبْ مَقَادِيرَ كُلِّ شَيْءٍ
حَتَّى تَقُومَ السَّاعَةُ يَا بُنَيَّ إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنْ مَاتَ عَلَى غَيْرِ هَذَا
فَلَيْسَ مِنِّي²⁵

Ertinya: "Telah menceritakan kepada kami Ja'far bin Musāfir al-Hudhallī berkata, telah menceritakan kepada kami Yahyā bin Ḥassan berkata, telah menceritakan kepada kami al-Walīd bin Rābah dari Ibrāhīm bin Abī 'Ablah dari Abī Ḥafṣah ia berkata; 'Ubādah bin al-Ṣamit berkata kepada anaknya, "Wahai anakku, sesungguhnya engkau tidak akan dapat merasakan lezatnya iman sehingga engkau bisa memahami bahwa apa yang ditakdirkan menjadi bahagianmu tidak akan meleset darimu, dan apa yang tidak ditakdirkan untuk menjadi bahagianmu tidak akan engkau peroleh. Aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pertama kali yang Allah ciptakan adalah pena, lalu Allah berfirman kepadanya: "Tulislah!" pena itu menjawab, "Wahai Rabb, apa yang harus aku tulis?" Allah menjawab: "Tulislah semua takdir yang akan terjadi hingga datangnya hari kiamat." Wahai anakku, aku pernah mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Barangsiapa meninggal tidak di atas keyakinan seperti ini maka ia bukan dari golonganku."

²⁵ Abu Dawud, *op.cit.*, Hadit No. 4078 h. Juz 13 h.141

Meski ahli LDII menyakini ketentuan dan ketetapan Allah S.W.T. telah pasti bagi seluruh makhluk, namun bukan berarti pasrah tidak melakukan ikhtiar. Manusia wajib berusaha untuk meraih yang terbaik sebelum ketentuan berlaku. Pandangan para ahli LDII merujuk kepada hadits yang direkodkan oleh Ibn Majah, dan Jamā'ah tentang perintah berusaha untuk dunia dan akhirat dengan tidak mengutamakan salah satunya.²⁶

Hal ini sebagaimana pandangan oleh ketua Nurhamidhadi bahawa terhadap ketentuan Allah S.W.T. wajib menyakini, tetapi kita telah diberikan alternatif yang harus dipilih.²⁷ Allah telah memberikan petunjuk dan bimbingan ke arah yang *haq* atau batil dan benar atau dusta maka manusia itu sendiri yang berhak memilihnya. Terdapat beberapa ayat yang menunjukkan bahawa meskipun telah Allah tetapkan namun kesemuanya kembali kepada manusia.

Ertinya: “Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya”

Sūrah al-Mudatsir (74): 38

Ertinya: “...Tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.”

Sūrah Tūr (52): 21

Ertinya: “Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya”.

Sūrah Fusilat (41): 46

²⁶ LDII, *Khutbah*, T.P. LDII, t.t. h. 59-60

²⁷ Surah al-Balad (90) : 10 Ertinya: “Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan, (jalan kebaikan untuk dijalaninya, dan jalan kejahatan untuk dijauhi)? Surah al-Insān (76):3 “Sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan Rasul) akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah; maka terserahlah kepadaNya) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat), ataupun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menderhaka).

Kemudian terhadap kehendak Tuhan dan kehendak manusia para ahli LDII berpandangan bahawa kehendak manusia ditentukan oleh kehendak dan iradah Tuhan. Namun demikian Allah S.W.T. tetap berkehendak agar manusia itu memilih satu antara dua jalan yang tiap-tiap itu boleh dengan kehendak hatinya untuk dilaluinya. Dan bila manusia memilih jalan yang berupa petunjuk tetap termasuk dalam kehendak Ilahi demikian juga memilih jalan kesesatan termasuk dalam kehendakNya. Pandangan ini sebagaimana firman Allah S.W.T:

Ertinya: “Iaitu bagi sesiapa dari kamu yang mahu tetap teguh di atas jalan (Islam) yang betul. Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatupun), kecuali Dengan cara yang diatur oleh Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam”.

Sūrah al-Takwīr (81): 28-29

Menganalisis pandangan para ahli LDII bahawa kebebasan kehendak dalam perbuatan manusia mempunyai kemampuan mewujudkan namun hasil dari perbuatan terdapat peranan Allah S.W.T. dalam mewujudkannya. Dengan kefahaman ini LDII tidak bersikap *mujbir* sebagaimana kaum Jabariah dan tidak pula bersikap bebas seperti kaum Qadariah. Ertinya ahli LDII menetapkan kefahaman tentang kehendak dalam berbuat dipertengahan antara Jabariah dan Qadariah. Dengan kata lain cenderung kepada faham Ash'ariah yang menetapkan bahawa kebebasan kehendak dalam perbuatan manusia terdapat kodrat dan iradat Tuhan.

Merujuk kefahaman LDII tersebut, secara amnya mempunyai persamaan dengan kefahaman pertubuhan-pertubuhan Islam di Provinsi Jambi. Mohd. Rasyidin dari pertubuhan Persatuan Tarbiyah Islamiyah yang mengatakan bahawa semua yang terjadi di alam ialah perbuatan dan ciptaan Allah, tidak ada yang menciptakan sesuatu melainkan diciptakan oleh Allah. Maka Allahlah yang memberikan kudrat dan gerak

kepada manusia.²⁸ Bahawa semua diciptakan Allah S.W.T. adalah benar tetapi usaha dan ikhtiar ada pada tangan manusia dan keputusan berada pada kuasa Allah S.W.T.

Demikian juga menurut Yusuf Gayo ahli Muhammadiyah bahawa segala sesuatu diciptakan oleh Allah demikian juga perbuatan hamba diciptakan olehNya.²⁹ Tetapi bukan bererti manusia harus pasrah tanpa usaha. Manusia dianjurkan untuk berusaha dan berdo'a ketentuan pada kuasa Allah S.W.T. Pandangan kedua tokoh tersebut diasaskan kepada firman Allah dalam surah al-Baqarah (2):284

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبَدُّوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ
يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ

Ertinya: “Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyeksa sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Sūrah al-Baqarah (2): 284

Terhadap perbuatan seorang hamba, mereka berpandangan bahawa perbuatan itu dilakukan oleh manusia, tetapi juga sertai oleh kuasa Allah dalam terwujudnya perbuatan itu. Jadi jelas bahawa Allah mempunyai kekuasaan mutlak terhadap hambaNya segala sesuatu di alam ini.

Merujuk daripada pandangan ahli-ahli LDII mereka berpandangan bahawa terwujudnya suatu perbuatan hamba terdapat dua peran iaitu Allah dan manusia. Meski

²⁸ Mohd. Rasyidin, (Ahli Majelis Pengajian Agama Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 26 Julai 2008

²⁹ Mohd Yusuf Gayo, (Ahli Muhammadiyah DPC Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Sungai Penuh, 28 Julai 2008

Allah mempunyai peran tetapi untuk terwujudnya perbuatan tersebut dilakukan oleh manusia sendiri kerana Allah telah member kuasa iktiar kepada manusia.

4.2.2.3 Pelaku Dosa Besar

Isu yang menjadi perbincangan dalam konteks dosa besar ialah apakah pelaku dosa besar masih mukmin atau telah kafir. Dan bagaimana statusnya di akhirat apakah ia kekal di neraka atau akan masuk Shurga.

Permasalahan pelaku dosa besar ini mempunyai hubungkait dengan penjelasan tentang iman. Merujuk kepada kefahaman LDII yang memberikan penjelasan tentang iman kepada al-Qur'an dan hadith. Dalam isu ini LDII juga merujuk kepada al-Qur'an dan hadith. Iman menurut LDII merupakan penggabuan antara *taşdiq bi qalb*, *ikrar bi al-lisan* dan amal dalam perbuatan atau dengan erti lain iman dalam bentuk ma'rifah. Berdasarkan kepada konsep iman tersebut LDII dan ahlinya juga mengembalikan kepada sumber akidah iaitu al-Qur'an dan hadith Nabi s.a.w.

Dalam pandangan ini ahli LDII menempatkan orang-orang yang melakukan dosa besar memandang secara adil dengan merujuk ketentuan ayat-ayat al-Qur'an mahupun hadith yang memberi janji dan ancaman pada sisi yang lain dengan ayat-ayat mahupun hadith yang memberikan peluang untuk bertaubat. Oleh itu, orang-orang yang melakukan dosa besar tidak langsung dikelompokkan sebagai orang kafir dan kekal di dalam neraka.

Kafir menurut LDII adalah orang-orang yang tidak percaya adanya Allah, atau percaya tetapi mempersukutkan Allah dengan lainnya, tidak mempercayai malaikat-malaikat Allah, tidak mempercayai kitab-kitab yang diturunkan kepada para nabi dan rasul, tidak mempercayai hari akhirat dan tidak percaya kepada qada dan qadar daripada

Allah S.W.T.³⁰ Sehingga dengan ketentuan keyakinan ini selama orang masih menyakini rukun iman maka mereka masih termasuk kepada orang Muslim.

Ilham menyatakan bahawa orang yang melakukan dosa besar tidak langsung menjadi kafir, kerana terdapat pelbagai dosa besar yang dilakukan oleh umat Islam seperti; berzina, melawan ibu bapa, minuman keras, murtad dan dosa besar lainnya. Dosa besar yang menjadikan ia masuk neraka dan kekal di dalamnya adalah perbuatan *kufur* kepada Allah S.W.T. Namun apabila orang yang kufur melakukan taubat *nasuha* maka Allah pun akan mengampuni dan memasukkannya ke shurga.³¹

Ahmad Sobri menyatakan bahawa sesuai dengan janji dan ancaman ketetapan Allah seperti; shurga bagi yang melaksanakan perintah dan menjauhi larangannya dan neraka bagi yang melanggar perintah Allah maka orang yang melakukan dosa besar akan dilakukan hisab, jika dosanya lebih besar dari amal kebajikan maka ia akan dimasukkan ke dalam neraka bila tidak memperoleh *shafa'at* Nabi s.a.w sampai dosanya terbakar habis kemudian di angkat ke shurga. Tetapi terhadap dosa syirik mahupun kufur dan belum bertaubat, maka kekal di dalam neraka. Menurutnya juga, dosa besar yang dilakukan tidak menghilangkan keimanan pada diri seorang Muslim.³²

Kedua pandangan ahli LDII juga selari dengan pandangan, ahli Tarbiyah Islamiyah (Perti), yang menyatakan bahawa tidak semua dosa besar mengekalkan pelakunya di dalam neraka. Dosa besar yang mengekalkan duduk di neraka ialah syirik dan kufur kepada Allah S.W.T. dan selain dosa syirik terdapat dua kemungkinan itu, jika pelaku dosa besar amalnya lebih banyak maka ia akan dapat masuk shurga, demikian juga yang mendapatkan shafaat Rasulullah s.a.w. maka ia akan masuk shurga.

³⁰ LDII (t.t.) *Khutbah*, t.tp. h. 13

³¹ Ilham, (Ahli LDII Kabupaten Merangin), dalam temubual dengan penulis, Merangin, 10 Julai 2008

³² Ahmad Sobri, (Ahli LDII Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 11 Julai 2008

Jadi berdasarkan kepada pandangan ahli-ahli LDII di atas, tidak semua dosa besar menjadikan pelakunya menjadi kafir dan kekal dalam neraka, kerana dosa besar berperingkat. Demikian juga, bila pelaku dosa besar bertaubat nasuha atau memperolehi shafaat Rasulullah saw di akhirat kelak maka tidak akan masuk neraka. Di samping itu pelaku dosa yang masih menyakini rukun Islam dan rukun Iman maka mereka masih tergolong sebagai Muslim.

4.3 Kerasulan dan Kenabian (*al-Nubuwwah*)

Kenabian (*al-Nubuwwah*) merupakan bahagian yang mendapat fokus perbincangan di kalangan ulama tawhid. Pada aspek *al-Nubuwwah* inti persoalannya ialah apakah Allah wajib mengutus Rasul kepada manusia atau tidak, *shafā'at* Rasul dan *khatam al-nabi*.

Terhadap aspek perutusan seorang Nabi atau Rasul ahli LDII berpandangan bahawa merupakan kemestian atau keharusan Allah kerana manusia sebagai makhluk mempunyai keterbatasan. Oleh kerana itu untuk menjalankan kehidupan Allah mengutus Rasul sebagai pembimbing manusia kejalan yang lurus. Dalam hal ini para ahli LDII berpandangan bahawa manusia dapat berfikir membezakan yang benar dan salah, akan tetapi tidak sampai mengetahui kewajiban manusia kepada Allah, melakukan dan meninggalkan yang diperintahnya. Oleh itu, Allah mengutus Rasul yang membawa wahyu sebagai pedoman melaksanakan kewajiban-kewajiban kepada Allah. Pandangan mereka merujuk daripada firman Allah sebagai berikut:

Ertinya: “Dan Sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulNya.”

Memandangkan kemampuan akal boleh menentukan baik dan buruk sebagai hukum moral di tengah-tengah komuniti masyarakat namun hasil olah fikir tersebut bersifat relatif kerana terdapat perbezaan antara satu tempat dengan tempat lainnya, sehingga ini menciptakan tatanan moral yang tidak berlaku secara universal. Dengan diwahyukan syari'at melalui para Rasul manusia dapat menentukan hukum yang beralaku secara mutlak dan dapat diterima oleh semua pihak. Pandangan ahli LDII merujuk daripada firman Allah:

Ertinya: “Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara ugama yang ia tetapkan hukumNya apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: "Tegakkanlah pendirian ugama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya".

Sūrah al-Syurā (42): 13

Nurhamidhadi menyatakan bahawa manusia mempunyai keterbatasan mencapai ajaran-ajaran yang luhur hanya dengan menggunakan akal fikirnya, tetapi dapat diperoleh dengan belajar dan menyelidiki serta mentaati wahyu Allah yang diwahyukan kepada rasul-rasulNya. Kerana kemampuan dalam menggunakan akal semata-mata seseorang tidak mencapai kebenaran yang hakiki. Lebih lanjut Nurhamidhadi memberikan contoh terhadap kehidupan masyarakat barat yang berkiblat kepada akal ternyata tidak mampu menyelesaikan permasalahan moral dan sebagainya. Dalam hal ini sebagaimana firman Allah:

Ertinya: “Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w.) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Qur'an) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syarak). dan Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata”.

Sūrah al-Jumah (62): 2

Berdasarkan daripada pandangan di atas, para ahli LDII bahawa perutusan Rasul kepada manusia adalah untuk menuntun kewajipan-kewajipan kepada Allah, petunjuk dan pedoman sebagai hamba Allah dalam melaksanakan kehidupan di dunia.

Dalam konteks kenabian para ahli LDII juga menyakini bahawa para Rasul Allah adalah berjenis kelamin lelaki. Mereka berasas dengan firman Allah surah Yusuf (12): 109 dan surah al-An'am (6):9. Kemudian dalam misi kerasulan mereka mengakui bahawa para rasul Allah membawa misi akidah yang sama iaitu supaya semua umatnya mengesakan Allah atau membawa dasar akidah yang satu. Pandangan mereka merujuk daripada firman Allah sebagai berikut:

Ertinya: "(Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya". mereka berkata lagi: Kami dengar dan Kami taat (Kami pohonkan) keampunanMu Wahai Tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali".

Surah al-Baqarah (2): 285

Ertinya: "Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang ia tetapkan hukumNya-apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: "Tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya". Berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama tawhid) yang Engkau seru mereka kepadaNya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama Tawhid itu, dan memberi hidayah petunjuk kepada agamanya itu sesiapa yang rujuk kembali kepadanya (dengan taat).

Sūrah Shurā(42): 13

Kemudian dalam menyakini nabi dan rasul, ahli-ahli LDII juga menyakini bahawa para rasul dan Nabi mempunyai sifat kesempurnaan. Kesempurnaan yang mereka yakini seperti; mereka selamat daripada sifat keji dan fisikal yang mencacatkan. Kesempurnaan dari segi fizik (Surah Taha 20:27-28, 36), selamat dari pelbagai penyakit

(Surah al-Anbiya' 21: 84), melakukan kerja atau terlibat dengan perbuatan yang menjatuhkan maruah, berakhlak mulia, bebas dari sifat kasar dan keras (Surah Ali Imran (3): 159. Dari aspek penciptaan, ahli-ahli LDII menyakini bahawa para nabi dan rasul itu dari kalangan manusia (Surah al-Kahfi 18: 110) dan kedudukannya tidak dapat diraih oleh siapapun baik dengan usaha ibadah ataupun dengan proses pewarisan (surah al-Nahl 16: 2), surah al-Hajj 22: 75, dan surah Yunus 10:15.

Terhadap konsep *khatam al-Nabi*, ahli LDII juga menyakini bahawa Nabi s.a.w.. merupakan nabi dan rasul terakhir dan tidak mengakui kenabian dan kerasulan setelahnya. Pandangan mereka berdasarkan kepada misi kenabian Nabi Muhammad s.a.w. merupakan rasul yang menyempurnakan ajaran yang telah dibawa para Rasul sebelumnya. Keyakinan ini ahli LDII merujuk kepada firman Allah:

Ertinya: “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk”

Sūrah al-Maidah (5): 3

Dengan dalil ini kesempurnaan dan kelengkapan agama Islam maka habislah kenubuwan dan selesai tugas kerasulan. Sedangkan untuk memperkuat akhir daripada *al-nubuwwah* pada Rasulullah s.a.w. ialah hadith yang direkodkan oleh Bukhari:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ جَعْفَرٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ مَثَلِي وَمَثَلِ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِي كَمَثَلِ رَجُلٍ بَنَى بَيْتًا فَأَحْسَنَهُ وَأَجْمَلَهُ إِلَّا مَوْضِعَ لَبَنَةٍ مِنْ زَاوِيَةٍ فَجَعَلَ النَّاسُ يَطُوفُونَ بِهِ وَيَعْجَبُونَ لَهُ وَيَقُولُونَ هَذَا وَضَعَتْ هَذِهِ اللَّبَنَةُ قَالَ فَأَنَا اللَّبَنَةُ وَأَنَا خَاتِمُ النَّبِيِّينَ³³

Ertinya: “Telah bercerita kepada kami Qutaibah bin Sa'id telah bercerita kepada kami Isma'il bin Ja'far dari 'Abdullah bin Dinar dari Abu Şalih dari Abu Hurairah radliallahu 'anhu bahwa Rasulullah s.a.w.. bersabda: "Perumpamaanku dan nabi-nabi sebelumku seperti

³³ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhāri*, Juz 12, Hadith No. 3535, Maktabah al-Salafiyah, h. 274

seseorang yang membangun suatu rumah lalu dia membaguskannya dan memperindahkannya kecuali ada satu labirinah (tempat lubang batu bata yang tertinggal belum diselesaikan) yang berada di dinding samping rumah tersebut, lalu manusia mengelilinginya dan mereka terkagum-kagum sambil berkata; 'Duh seandainya ada orang yang meletakkan labirinah (batu bata) di tempatnya ini". Beliau bersabda: "Maka akulah *labirinah* itu dan aku adalah penutup para nabi".

Hadith di atas, bahagi para ahli LDII berkesimpulan *al-nubuwwah* sudah selesai dengan di utusnya Nabi Muhammad s.a.w diangkatnya menjadi Nabi dan Rasul terakhir. Hakikat perutusan Nabi Muhammad s.a.w sebagai Nabi penyempurna sekalian risalah dan agama yang di wahyukan kepada para Nabi dan Rasul. Padangan LDII ini selari dengan pelbagai pandangan dalam aliran Islam seperti; Salafi, Ahlusunnah wa al-Jamaah, yang mereka memperakui bahawa perutusan rasul telah berakhir dengan di utusnya Nabi Muhammad s.a.w dan lengkaplah ajaran tauhid.

4.4. *Al-Syam'iyat*

4.2.3.1 Alam Kubur (*Barzākh*)

Alam *barzākh* (alam kubur) sebagai bahagian dari akidah yang harus diyakini oleh seluruh umat Islam. Namun terhadap peristiwa yang terjadi di alam kubur (*barzakh*) terdapat sebahagian golongan tidak mengimani seperti; pertanyaan Munkar, Nakir, dan azab kubur iaitu kaum Mu'tazilah.

Para ahli LDII mengimani alam *barzākh* merupakan alam kedua setelah manusia meninggal atau alam penantian menuju alam akhirat. Kemudian para ahli juga menyakini segala penghabaran daripada al-Qur'an dan Hadith tentang berlakunya perkara-perkara kubur atau fitnah kubur seperti; pertanyaan Malaikat Munkar dan Nakir, azab dan nikmat kubur. Hal ini sebagaimana dikemukakan oleh ahli LDII bahawa di alam kubur (*barzākh*) berlakunya pertanyaan Malaikat Munkar dan Nakir,

azab dan siksa kubur serta nikmat kubur. Asas kepada keyakinan mereka ialah kepada beberapa firman Allah S.W.T:

Ertinya: “Patutkah orang-orang yang melakukan kejahatan menyangka Bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dengan menyamakan keadaan (Mereka semua) semasa mereka hidup dan semasa mereka mati? buruk sungguh apa yang mereka hukumkan itu.”

Sūrah al-Jāthiyah (45): 21

Ertinya: “Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!"

Surah al-Ghāfir (40): 46

Menganalisis ayat-ayat di atas, para ahli LDII berkeyakinan bahawa selepas kematian, antara orang yang beriman dan beramal soleh dan orang yang hidup berkubang dengan dosa dan kejahatan maka kehidupan di alam *barzākh* terdapat perbezaan yakni orang yang beriman dan beramal soleh mendapatkan nikmat dan sebaliknya bagi yang melakukan dosa dan kejahatan mendapatkan azab dan siksa. Pandangan ini seperti dikemukakan mubaligh LDII bahawa di alam *barzākh* manusia akan memperoleh nikmat bagi yang beriman dan soleh dan azab kubur bagi yang menceburkan dirinya kepada ajaran sesat dan dosa.³⁴

Oleh demikian, terhadap kefahaman fitnah kubur para ahli LDII sentiasa mengamalkan do'a-doa memohon perlindungan dari siksa dan azab kubur dari hadith yang direkodkan oleh Malik ibn Anas sebagai berikut:

³⁴ Dosenfendi, (Ketua DPD Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 4 April 2009

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حُجْرٍ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ جَعْفَرٍ عَنْ مُحَمَّدٍ عَنْ أَنَسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَدْعُو يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكَسَلِ وَالْهَرَمِ وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَفِتْنَةِ الْمَسِيحِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ³⁵

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami ‘Ali bin Hujr telah menceritakan kepada kami Isma’l bin Ja’far dari Humaid dari Anas bahwa Nabi s.a.w. berdoa dengan mengatakan: "Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari kemalasan, pikun, sikap penakut, dan kikir, serta fitnah al-Masih (Dajjal) dan dari adzab kubur"

Ahli-ahli LDII, juga meyakini bahawa azab dan siksa kubur bukan hanya kerana dosa yang telah dilakukan arwah sewaktu di dunia, tetapi juga kerana ratapan keluarga yang tidak merelakan kepergiannya menghadap Tuhan. Kefahaman ini sebagaimana hadith yang direkodkan oleh al-Nasai dan al-Tirmidhī sebagai berikut:

أَخْبَرَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنْ عُمَرَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ بِبُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ³⁶

Ertinya: “Telah mengabarkan kepada kami 'Ubaidullah bin Sa'īd dia berkata; telah menceritakan kepada kami Yahya dari 'Ubaidullah dari Nāfi' dari Ibnu 'Umar dari 'Umar Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Si mayit akan disiksa kerana tangisan keluarganya kepadanya."

Demikian juga ahli-ahli LDII meyakini, bahawa setelah adanya kematian roh manusia masih terdapat hubungan. Mereka meyakini kerana adanya ajuran Rasulullah s.a.w. untuk berdo'a dan memberikan salam kepada para ahli kubur. Keyakinan ini menerusi daripada hadith yang direkodkan oleh Ibn Hibban sebagai berikut:

فَفِي حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا مِنْ أَحَدٍ يَمُرُّ بِقَبْرِ أَحَبِّهِ الْمُؤْمِنِ كَانَ يَعْرِفُهُ فِي الدُّنْيَا فَيُسَلِّمُ عَلَيْهِ ، إِلَّا عَرَفَهُ ، وَرَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ³⁷

Ertinya: “Dalam hadith Ibn Abbas berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Seseorang yang lalu di atas kubur orang yang dikenali ketika hidup,

³⁵ Al-Tirmidhī (1398 H), *Sunan Tirmidhī*, Juz 12 hadith No. 3822, Kairo: Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 455

³⁶ Al-Nasāi (t.t.), *Sunan Nasai*, , Hadit No. 1859 Juz. 6 Beirut: Dār al-Bashair, h. 425

³⁷ Ibn Taimiyah, *op.cit.*, Juz 5, h, 477

lalu ia member salam kepada ahli kubur itu, maka pasti ahli kubur itu mengenali orang yang member salam dan menjawab salamnya”.

Pengaruh akidah khasnya tentang alam *barzakh* telah mengubah kefahaman ahli LDII sebelumnya. Ahli LDII mempraktikan cara-cara penyelenggaraan jenazah mulai mengadapi kematian melakukan larangan untuk meratapi arwah, dari memandikan, mengkafankan, mensalatkan, menguburkan serta perlakuan terhadap kubur merujuk ketentuan sunnah Rasulullah s.a.w. Demikian peringatan kepada jenazah yang tidak lagi mempraktikkan tradisi lama (*khurafat* dan *bidaah*) seperti; membuat kenduri ke 3, ke 7, ke 40, ke 100 dan ke setahun yang merupakan amalan khurafat.

Praktikal kefahaman mereka terhadap amalan terhadap kubur seperti; *pertama*, memperbolehkan ziarah kubur dengan maksud mendo'akan arwah sahaja serta tidak melakukan perbuatan *khurafat* memohon pertolongan kepada arwah dan permintaan-permintaan lainnya. *Kedua*, menguburkan mayat dengan meratakan tanah perkuburan dan tidak membangun kubur dengan bentuk-bentuk khusus yang berlaku amnya. Landasan bagi ahli-ahli LDII ialah hadith yang direkodkan oleh Muslim, Ibnu Majah dari Jabir sebagai berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ غِيَاثٍ عَنْ ابْنِ جُرَيْجٍ عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ عَنْ جَابِرٍ
قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُجْصَّصَ الْقَبْرُ وَأَنْ يُقْعَدَ عَلَيْهِ وَأَنْ يُبْنَى عَلَيْهِ³⁸

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami Abū Bakar bin Abu Shaibah Telah menceritakan kepada kami Ḥafṣ bin Ghiyāth dari Ibnu Juraij dari Abī Zubair dari Jābir ia berkata; "Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melarang mengapur kuburan, duduk dan membuat bangunan di atasnya."

Merujuk sikap dalam proteksi terhadap pelaksanaan pengebumian mayat, pelaksanaan ziarah kubur dan larangan yang dilakukan oleh para ahli LDII Provinsi

³⁸ ‘Anṣon ‘ani, *Subulus Salām*, Juz. 3 h. 147, Muslim, *op.,cit.,*, Hadith No.2289 Juz.6 h. 206

Jambi mempunyai persamaan pandangan Ibn Taimiyah, Abdul Wahab (kaum Wahabiyah) yang sangat melindungi praktik-praktik penyelenggaraan janazah dari unsur takhayul, bidaah dan khurafat.

4.2.3.2 Shurga (*al-Jannah*)

Kefahaman LDII tentang shurga, mereka menyakini bahawa shurga merupakan tempat yang penuh dengan kenikmatan yang dijanjikan Allah S.W.T. kepada hamba-hambanya yang menjalankan segala perintahNya dan meninggalkan segala yang dilarangnya. Kefahaman tentang syurga, meliputi kewujudan baik tentang sifat shurga, kenikmatan, nama dan sifatnya shurga telah diyakini oleh semua ahli LDII.

Menerusi akidah yang diyakini dan didakwahkan oleh LDII, ahli-ahli LDII telah menyakini bahawa kewujudan shurga itu telahpun ada dijadikan oleh Allah S.W.T. Pandangan mereka menerusi kisah isra' dan Mi'raj Nabi s.a.w. Di mana Nabi s.a.w. telah diperlihatkan oleh Allah kehidupan orang-orang di Shurga.

Ahli LDII menyakini juga terhadap sifat shurga dan penghuninya bahawa Shurga dan penghuninya kekal. Mereka berpendapat kekekalan shurga tersebut merupakan kehendak Allah semata-mata bukan kekal dengan sendirinya. Demikian juga dengan kenikmatan-kenikmatan shurga yang diberikan kepada penghuninya berkekalan. Mengikut pandangan mereka tentang janji Allah kepada penghuni Shurga seperti; surah Sajadah (32): 17, Baqarah (2): 25, Qiyāmah (75) 22-23, Yasin (36) 55-58, Taubah (9): 72, dan Ali 'Imrān (3): 15

Kefahaman tentang kenikmatan-kenikmatan shurga telahpun mempengaruhi sikap dan perilaku para ahli LDII dalam sikap keseharian dalam ibadah mahupun bidang muamalah. Pandangan ini dapat dikesan melalui bacaan-bacaan khutbah dan karya-

karya tulis yang digunakan dalam lingkungan LDII serta aktiviti-aktiviti keseharian. Hal ini sebagaimana mukhadimah konsep memahami dan menjaga kemurnian al-Qur'an Hadith Jamāah dalam makalah CAI (Cinta Alam Indonesia) disebutkan sebagai berikut:

Oleh karena itu satu-satunya orang Jama'ah supaya betul-betul menetapi, memerlukan dan mempersungguh Qur'an hadith Jama'ah, di mana sahaja, kapan sahaja dan bagaimana sahaja keadaannya. Mulai mendengar, mulai tahu, mulai sedar, mulai insaf, mulai menetapi sambung diteruskan terus menerus sampai *tutog* pol ajal matinya tiap-tiap dengan niat mukhlis lillah kerana Allah, iaitu ingin masuk shurga Allah dan terhindar, selamat dari neraka Allah. Sehingga satu-satunya jamaah betul-betul berhasil, pasti, haq dan wajib masuk Shurga Allah selamat dari neraka Allah.³⁹

Merujuk kutipan di atas, memberikan gambaran bahawa keyakinan terhadap kewujudan shurga telah mempengaruhi dalam sikap dan perilaku ahli LDII. Selanjutnya untuk meraih kenikmatan shurga, mereka menyakini harus diperjuangkan dengan menetapi al-Qur'an dan Hadith. Ertinya perintah baik dalam ibadah mahupun muamalah harus dilaksanakan sesuai dengan ketentuannya al-Qur'an dan Hadith. Deson Feri, menyatakan pengaruh keyakinan terhadap Shurga telah mendorong dalam aktiviti amal kebajikan dalam ibadah mahupun bidang muamalah dengan niat dan keikhlasan kerana Allah S.W.T.⁴⁰

Demikian juga, terlihat dalam aktiviti *fastabiqul khairat* khasnya dalam bidang infak, sedakah dan wakaf serta akitiviti sosio masyarakat. Para ahli LDII mempunyai perhatian yang amat tinggi berbanding dengan ahli-ahli organisasi luaran LDII dengan harapan memperoleh balasan daripada Allah S.W.T. Jelasnya LDII dengan aktiviti ini, telah mampu mengumpulkan kewangan yang amat besar sehingga mampu membina fasiliti-fasiliti ibadah dan pendidikan yang merata tempat di wilayah Indonesia. Meski bila diperbanding dengan Muhammadiyah mauhupun NU masih di bawah peringkat organisasi tersebut.

³⁹ CAI, 2007, *op.cit.*, h. 50

⁴⁰ Deson Feri, (Ketua DPD LDII Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 6 April 2008

Selanjutnya ahli LDII menyakini peringkat-peringkat surga serta kenikmatan yang disediakan bagi hambaNya yang salih sesuai dengan amal perbuatannya. Kedudukan surga yang demikian pula mendorong ahli dikalangan LDII melaksanakan aktiviti ibadah sesuai dengan kriteria Shurga bagi ahlinya tersebut, seperti; puasa; menjaga shalat lima waktu, haji, kurban, membaca al-Qur'an dan aktiviti ibadah lainnya. Menerusi pandangan ahli-ahli LDII mengenai surga mempunyai persamaan pandangan ulma Ahli al-Sunnah, bahawa syurga itu sudah ada dijadikan. Demikian dengan peringkatan dan amalan-amalan yang dilakukan untuk memasiki syurga tersebut.

4.2.3.3 Neraka (*al-Nār*)

Dalam persoalan neraka, LDII yang menyakini bahawa Allah S.W.T. tidak saja memberikan ganjaran kepada hamba-Nya yang salih tetapi juga Allah menyediakan Neraka sebagai tempat balasan kepada hambanya yang inkar kepadaNya. Keyakinan para ahli LDII terhadap eksistensi neraka sebagaimana dalil yang telah didakwahkan oleh LDII yang merujuk dari firman Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w. iaitu sūrah Ibrahim 14:16, sūrah al-Naba' 78: 25, sūrah al-Anfal 8:50. Neraka merupakan tempat penyiksaan bagi pelaku dosa.

Dalam aspek neraka ini juga kalangan ahli LDII menyakini bahawa kewujudan neraka telah pun ada dan bersifat kekal di sisi Allah S.W.T. Peringkatan neraka yang disediakan untuk penyiksaan dan azab terhadap pelaku dosa sesuai dengan kategori dosa yang diperbuat. Demikian pula keperitan yang akan ditanggung oleh ahli-ahli neraka seperti yang telah digambarkan dalam al-Qur'an seperti; makanan ahli neraka ialah buah Zakum (Surah al-Şaffat 37: 62-63), Air Minum dari tembaga (Surah al-Kahfi

18:29), hampan yang sangat panas sebagai tempat tidur (Surah al-Zumar 39:16), tidak mati dalam seksaan (surah al-A'la 87: 13).

Kefahaman terhadap Neraka bagi ahli LDII provinsi Jambi telahpun berpengaruh kepada sikap dan perbuatan. Ahli-ahli LDII menjauhkan dari sebarang perbuatan dosa, maksiat dan perbuatan yang bercanggah dengan syari'at. Perkara ini selari pandangan ulama LDII Hayun yang mengemukakan bahawa keyakinan terhadap adanya Neraka dengan segala aspeknya, menjauhkan ahli LDII melakukan aktiviti yang bercanggah dengan syari'at agama Islam. Demikian boleh mengawal diri tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan syari'at agama mahupun undang-undang Negara.⁴¹

Praktikal akidah terhadap neraka secara amnya para ahli LDII menjaga diri tidak terlibat dalam kasus-kasus seperti; rasuah dipejabat pemerintahan mahupun swasta, mencuri, perilaku sumbang dan perbuatan maksiat. Bahkan menurut satu pandangan bahawa ahli-ahli LDII mempunyai komitmen terhadap syariat Islam dan undang-undang pemerintah.

Berdasarkan hasil pemerhatian dan temubual memberikan gambaran bahawa keyakinan daripada Neraka sebagai tempat pembalasan kejahatan dan dosa telah memberikan pengaruh dalam aktiviti-aktiviti ahli LDII Provinsi Jambi. Sehingga membolehkan para ahli mengontrol diri tidak terjebak kearah perbuatan dosa mahupun kejahatan yang membawanya ke dalam Neraka.

Selari dengan pandangan ahli LDII dalam memahami neraka mereka mengimani sudah ada sebagaimana telah dijalesakan dalam dalil naqli iaitu al-Qur'an dan Sunnah Nabi s.a.w. Padangan mereka selari dengan pandangan Ahlu al-Sunnah yang

⁴¹ Hayun, (Mubaligh LDII Kabupaten Bangko), dalam temubual dengan penulis, Bangko, 27 Julai 2008

membentangkan beberapa dalil yang dapat membuktikan bahawa neraka sudah wujud. Antaranya hadith tentang Mi'raj Nabi s.a.w. di mana Nabi s.a.w telah ditunjukkan tentang bagaimana siksaan yang dialami oleh ahli neraka. Demikian juga keimanan terhadap pelbagai bentuk siksaan yang diterima akibat perbuatan dosa yang dilakukannya apakah itu berat atau ringan. Pandangan mereka juga selari dengan padangan Syaikh Muhammad bin Salih al-'Utsaimin tentang sifat Neraka baik kewujudan, peringakatan neraka, makanan penghuni dan keperitan penghuni neraka.⁴²

4.2.3.4 *Hisāb, Mīzān dan Širāt*

Hisāb merupakan berlakunya penghitungan amalan bagi manusia terhadap perbuatan yang telah dilakukan semasa hidup di dunia oleh Allah di Akhirat. *Al-Ḥisāb* tidak disyaki oleh ahli LDII menerusi dasar yang telah didedahkan dalam al-Qur'an dan Hadith.

Para ahli LDII menyikini bahawa *hisāb* (perhitungan) dilakukan selepas manusia diberikan kitab catatan tiap-tiap. Orang yang beriman menerima kitab dari arah kanan dan mereka akan menghadapi *hisāb* dengan mudah dan cepat.⁴³ Dan sebaliknya bagi orang-orang yang banyak dosa dan fasik menerima catatan amal dari arah kiri.⁴⁴ Sedangkan bagi orang kafir pula menerima kitab amal mereka dari arah belakang. Mereka meraung dan mencela diri mereka.⁴⁵ Para ahli juga berkeyakinan bahawa proses *hisāb* dilakukan oleh Allah Yang Maha Adil dan tidak menganiaya atau merugikan seorompokun dari seluruh manusia. Dia juga Maha bijaksana, dan Dia tidak akan meletakkan sesuatu itu pada tempatnya.⁴⁶ Dalam memperkuat pandangan ini, para ahli LDII berasas daripada hadith Nabi s.a.w. daripada Šufyan ibn Waki':

⁴² Syaikh Moḥammad bin Šalih Al-'Utsaimin, *Wašifat al-Nār*, (Edisi) Indonesia, Islam House.Com, h.1-24

⁴³ Surah al-Insyiqaq (84): 1-7

⁴⁴ Surah al-Haqqah (69) : 25

⁴⁵ Surah al-Insyiqaq (84) : 10-12

⁴⁶ Para ahli

حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ وَكَيْعٍ حَدَّثَنَا عَيْسَى بْنُ يُونُسَ عَنْ أَبِي بَكْرِ بْنِ أَبِي مَرْثَمَ ح وَحَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَحْبَرَنَا عَمْرُو بْنُ عَوْنٍ أَحْبَرَنَا ابْنُ الْمُبَارَكِ عَنْ أَبِي بَكْرِ بْنِ أَبِي مَرْثَمَ عَنْ ضَمْرَةَ بْنِ حَبِيبٍ عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ⁴⁷

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami Sufyan bin Waqi' telah menceritakan kepada kami 'Isa ibn Yūnus dari Abī Bakr ibn Abī Maryam, dan telah mengkhabarkan kepada kami 'Abdullah bin Abdurrahman telah mengkhabarkan kepada kami 'Amru bin 'Aun telah mengkhabarkan kepada kami Ibnu Al Mubarak dari Abu Bakar bin Abu Maryam dari Dlamrah bin Habib dari Syaddad bin Aus dari Nabi saw beliau bersabda: "Orang yang cerdas adalah orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematian, sedangkan orang yang bodoh adalah orang jiwanya mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan kepada Allah.”

Selanjutnya para ahli LDII sentiasa mengamalkan pandangan para sahabat Nabi s.a.w. yang sentiasa menghitung dan menghisab diri kita sebelum tiba hari *hisāb* nanti. Sebagaimana kata-kata 'Umar ibn Khaṭṭab:

وَيُرَوَّى عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ حَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوا وَتَزَيَّنُّوا لِلْعَرْضِ الْأَكْبَرِ وَإِنَّمَا يَخْفُ الْحِسَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى مَنْ حَاسَبَ نَفْسَهُ فِي الدُّنْيَا⁴⁸

Ertinya: “Dan telah diriwayatkan dari 'Umar ibn al-Khattab dia berkata: hisablah (hitunglah) diri kalian sebelum kalian dihitung dan persiapkanlah untuk hari semua dihadapkan (kepada Rabb Yang Maha Agung), hisab (perhitungan) akan ringan pada hari kiamat bagi orang yang selalu menghisab dirinya ketika di dunia.”

Merujuk daripada hadith hisab para ahli LDII menyakini bahawa *hisāb* akan berlaku di akhirat sebagai pengadilan terhadap aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan selama hidup di dunia. Dan segala peristiwa yang didedahkan dalam al-Qur'an mahupun hadith benar adanya. Memandangkan kefahaman dalam hisab ini para ahli LDII sentiasa menggalakan untuk melakukan *amar ma'ruf nahi munkar* sebagai

⁴⁷Tirmidhī, *op.cit.*, hadith No. 2647, Juz. 9 h. 337

⁴⁸*Ibid*

perimbangan terhadap perbuatan dosa. Menerusi pandangan ahli LDII mengenai hisab menyakini sebagaimana pandangan uluma ahli al-Sunnah bahawa penghisaban akan berlaku bagi manusia dan makhluk lainnya. Pandangan mereka sebagaimana firman Allah:

إِنَّ إِلَيْنَا إِيَابَهُمْ ﴿١٥﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا حِسَابَهُمْ ﴿١٦﴾

Ertinya: “Sesungguhnya kepada Kami-lah kembali mereka, Kemudian Sesungguhnya kewajiban Kami-lah menghisab mereka”.

Al-Ghasiyah, 88: 25-26

Demikian halnya dengan *Şirāṭ* Ahli LDII mempercayai bahawa *Şirāṭ* merupakan jalan yang diletakan di atas punggung api neraka Jahannam, di situ akan dilalui oleh semua orang yang dahulu dan orang yang datang belakangan, yakni sekembalinya dari tempat pemberhentian di alam Makhshar. Ahli Shurga akan melewatinya dengan selamat sampai ke hujungnya yang terakhir. Mereka menuju ke sana untuk meneruskan perjalanannya ke shurga. Sedang ahli neraka, maka di sa’at mereka melewatinya, lalu jatuh bergelimpangan ke bawah yang bererti masuk ke dalam api neraka itu.

Dasar dalam memahami *Şirāṭ* tersebut sebagaimana hadith yang direkodkan oleh Muslim:

فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : « ويضرب الصراط بين ظهري جهنم ، فأكون أول من يجيز من الرسل بأمتي ،

Ertinya: “Rasulullah s.a.w. bersabda: Kemudian dipasanglah sebuah jembatan di atas punggung dua tepi Jahannam. Maka aku (Nabi Muhammad s.a.w.) dan umatkulah yang mula-mula sekali menyeberang”⁴⁹

⁴⁹ Muslim, *Sahih Muslim*, hadith no. 469 Juz. 1. h. 122

Oleh ahli LDII *hadith* di atas, menjadi dasar dalam mengimani bahawa di akhirat, manusia akan melintasi *Ṣirāt*. Akan tetapi bagaimana bentuknya *Ṣirāt* keadaan dan sifatnya, LDII tidak membahas secara mendetail, kerana isu ini bukanlah termasuk jangkauan akal manusia, tetapi ia merupakan bahagian dari keimanan yang mesti diyakini oleh setiap muslim. Adapun tentang hakikatnya diserahkan sahaja kepada Allah. Menerusi pandangan mengenai *Ṣirāt*, ahli LDII mempunyai persamaan pandangan dengan ulama Ahli al-Sunnah bahawa setelah berlaku penimbangan atas semua amal selajutnya memasuki tahapan melalui titian *ṣirāt*. Keyakinan terhadap *Ṣirāt* meliputi; ciri-ciri *Ṣirāt* dan cara melintasi *Ṣirāt* sebagaimana yang dikemukakan oleh pandangan akidah Washatiyah iaitu Ibn Taimiyah *al-Ṣirāt* dibentangkan di atas neraka Jahanam, ia adalah jambatan di atara syurga dan neraka. Manusia melaluinya bersesuaian dengan kadar amal perbuatan mereka, di atara mereka ada yang melalui sepantas kerdipan mata, ada yang melaluinya seperti kilat, ada yang melaluinya selaju angina, ada yang lalunya seperti larian kuda, ada yang melalui seperti menunggang unta, ada yang melaluinya berlari, ada yang melaluinya dengan berjalan dan ada yang lalunya merangkak. Diantara mereka ada yang disambar lalu di lemparkan ke dalam Jahanam, kerana titian tersebut terdapat besi pengait yang menyambar manusia sesuai amalnya.⁵⁰

Kemudian perkara *Mīzan*, Ahli LDII menerusi akidah yang didakwahkan berpendapat bahawa semua amalan manusia itu akan ditimbang di akhirat setelah melalui proses *ḥisāb* (perhitungan amal). Dalam keyakinan terhadap *Mīzan* hanya satu yang digunakan untuk menimbang amal perbuatan umat Muhammad, amal umt nabi Musa a.s. amal perbuatan umat Nabi Isa a.s. dan seterusnya. Menurut ahli LDII *Mizan* sebagai bukti keadilan Allah terhadap manusia, sehingga tidak ada seorangpun yang

⁵⁰ Syaikh Muhammad Ṣalih bin al-Utsaimin *Sarh Al- Aqidah al-Wasithiyah*, h.20

merasa dirugikan. Semua amal perbuatan akan ditimbang dengan *Mīzan* yang sangat halus, walaupun sebesar *dharrah*.

Menerusi azas akidah dalam permasalahan *Mīzan*, ahli-ahli LDII berpegang kepada firman Allah surah al-Qari'ah ayat 6-9:

فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ ﴿٦﴾ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ
مَوَازِينُهُ ﴿٨﴾ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾

Ertinya: Adapun orang-orang yang berat timbangan (kebaikan)nya. Maka Dia berada dalam kehidupan yang memuaskan. Dan Adapun orang-orang yang ringan timbangan (kebaikan)nya. Maka tempat kembalinya adalah neraka Hawiyah. (al-Qāri'ah:6-9)

Kemudian dalam surah al-Zilzalah 99:7-8

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

Ertinya: Sesiapa yang mengerjakan kebaikan seberat dzarrapun, niscaya Dia akan melihat balasannya, dan Sesiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar dzarrapun, niscaya Dia akan melihat balasannya pula.

Merujuk daripada firman Allah pada surah al-Qori'ah:6-9 dan al-Zalzalah: 7-8 merupakan dasar menyakini adanya *Mīzan* bagi amal manusia di akhirat. Kenaranya tidaklah dapat diragukan. Oleh itu, menurut Ahli LDII setiap mukmin mesti mengimani adanya *Mīzan* tersebut.

Dalam perspektif *Mīzan* LDII mahupun ahli-ahlinya mengimani sebagaimana aliran Salaf, al-Ash'ariyyah dan al-Māturīdiyyah, iaitu sama-sama mengimani bahasanya *Hisāb*, *Ṣirāt* dan *Mīzan* itu benar, kerana mereka sama-sama berpegang kepada nas al-Qur'an yang wajib dipercayai oleh setiap mukmin. Padangan ini berbeza

dengan aliran Mu'tazilah yang berpendapat bahawa *Hisāb*, *Ṣirāt* dan *Mīzan* itu ada, tetapi Mu'tazilah mengertikan Hisab, dengan pemisahan orang kafir dan mukmin; sedangkan *Ṣirāt*, diertikan dengan makna ketaatan seorang hamba kepada Allah, yang bebas dari dosa selamat, dan yang berdosa akan masuk neraka. Kemudian *Mīzan* diertikan dengan keadilan Allah dalam membalas kebaikan dan kejelekan hamba, dan apalagi amal adalah suatu yang bersifat '*arad*, tak dapat ditimbang. Perbezaan ini muncul kerana mereka berbeza manhaj akidah.

4.2.3.5 *Shafā'ah* Nabi s.a.w.

Shafā'ah merupakan suatu isu yang menjadi perbincangan ulama tawhid. Perbincangan tersebut meliputi apakah *shafā'ah* Nabi s.a.w. ada di akhirat?. Menerusi keyakinan LDII, mereka mengakui bahawa di akhirat ada *shafā'ah* bagi pelaku dosa besar. Rujuk dalam menetapkan keyakinan *shafā'ah* ini adalah sūrah al-Kahfi (18): 52, Saba (34): 23 dan hadith yang direkodkan oleh Tirmidhī.

Alasan yang mereka ajukan bahawa pada saat manusia dibangkitkan kembali dan dihadapkan kepada pengadilan Allah maka pada saat tersebut, tiap-tiap orang sibuk untuk mencari perlindungan daripada siksa Allah pada saat itu. Maka tiap-tiap umat pada saat itu mencari nabinya. Demikian juga dengan umat Nabi Muhammad s.a.w. untuk meminta *shafā'ah*nya.

Ahli LDII menyakini bahawa Rasul s.a.w. *shafā'ah* memberikan *shafā'ah* kepada seluruh umatnya meskipun telah melakukan dosa besar melainkan yang mempersekutukan Allah. Nurhamidhadi mengemukakan bahawa setiap umat akan memperoleh *shafā'ah* dari Nabi mereka tiap-tiap, demikian dengan umat Nabi Muhammad s.a.w. akan memperoleh shafa'at meskipun dosa mereka sebanyak buih di

lautan dan tidak mempersekutukan Allah dengan lainnya.⁵¹ Bentuk mempersukutkan Allah oleh ahli LDII difahami segala bentuk aktiviti yang tidak bersandarkan kepada Allah, sebagaimana keterangan dalam sūrah al-Bayyinah (98):5

Ertinya: “Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadah kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tawhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.”

Oleh itu, para ahli LDII berkeyakinan bahawa orang yang benar menjaga tawhid baik *Ulūhiyyah* mahupun *Rubūbiyyah* memperoleh *shafā’ah* daripada Nabi s.a.w. di akhirat kelak. Keyakinan para ahli LDII shafa’at Nabi Muhammad s.a.w meliputi yang berbentuk umum (*al-Shafā’ah al’adhim*) yang hanya berlaku di Mahsyar dan shafa’at yang berbentuk khas. Shafa’at yang berbentuk khas seperti; memasukkan umatnya ke syurga tanpa hisab, mengangkat darjat manusia di dalam syurga, mengeluarkan orang Islam yang sepatutnya memasuki neraka dan mengeluarkan semua umat yang masih ada beriman walau sebesar zarah (biji sawi).

Pandang fahaman LDII dalam shafa’at mempunyai persamaan faham diikuti majoriti umat Islam Indonesia baik yang tergabung dalam organisasi Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama (NU), Persatuan Tarbiyah Islamiyah (Perti), al-Wasliyah dan beberapa organisasi Islam lainnya bahawa di akhirat umat Islam akan memperoleh *shafā’ah* daripada Nabi Muhammad s.a.w. Berdasarkan pandangan tersebut LDII mempunyai persamaan pandangan dengan ulama Ahli al-Sunnah wal-Jamaah yang mengimani adanya syafaat al-‘Uzma iaitu syafaat Nabi s.a.w memohon kepada Allah untuk disegerakan hisab dan timbangan amalan di Mahsyar, sekaligus melepas kesusahan yang dihadapi oleh seluruh umat manusia. demikian pula dengan syafaat yang berbentuk khas meliputi; memasukkan umatnya kesyurga, mengangkat drajat manusia

⁵¹ Nurhamidhadi, (Ketua LDII Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 9 Mei 2008

dan mengeluarkan orang Islam yang sepatutnya memasuki neraka serta mengeluarkan semua umat yang masih beriman walau sebesar zarah.⁵²

4.5 Implikasi Akidah LDII dalam Keberagamaan, Politik dan Sosio Budaya

4.5.1 Keberagamaan

4.5.1.1 Asas Beragama

Pada konteks beragama, LDII mempunyai persamaan prinsip dengan organisasi sosial keagamaan di Indonesia seperti; Muhammadiyah, yang berpegang teguh daripada al-Qur'an, Hadith, Ijma dan Qias serta menyatakan dirinya bukan sebagai penganut salah satu mazhab. Meskipun LDII mempunyai persamaan fokus kefahaman tetapi dalam memahami al-Qur'an dan hadith dengan menambahkan kata *jama'ah*.⁵³

Kata *jamāah* di kalangan ahli LDII difahami dari hadith Nabi s.a.w. yang secara khasnya diertikan para sahabat Nabi s.a.w.. sebagaimana dalam sabdanya yang bermaksud: “Hendaklah kamu kembali (*ittiba'*) kepada sunnahku dan sunnah para khulafa al-Rasyidin yang mendapat petunjuk selepasku”.⁵⁴

Komitmen LDII daripada al-Qur'an hadith sebagaimana pernyataan dalam pembinaan generasi muda, sebagai berikut:

“...menepati al-Qur'an hadith Jemaah adalah ajakan yang utama, ajakan yang tidak ada bandingnya. Keutamaan menepati al-Qur'an Hadis Jemaah bukan seperti keutamaannya *kustur* (orang yang merasa faham tetapi sebenarnya tidak faham), tetapi fahamnya betul-betul faham yang berdasar pada dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Hadith yang pasti benar”

⁵² Muhammad al-Qasimi (t.t.), *al-Islām Kama Fuhimat*, Beirut: t.tp., h. 138 -139

⁵³ Dewan Pimpinan Pusat Lembaga Dakwah Islam Indonesia (2003), *Direktori LDII*, Jakarta: DPP LDII, h.33-34

⁵⁴ Dari sudut bahasa *al-Jamaah* diambil dari kata *al-Jama'*, yang boleh diertikan kepada beberapa maksud (1) mengumpulkan atau menyatu-padukan yang berpecah belah (2) Golongan yang terbesar atau golongan yang paling ramai dari kalangan umat Islam (3) Golongan (kalangan) para ulama (4) Setiap umat Islam yang bersatu di bawah satu amir (pemerintahan Islam) (5) Para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. (6) Setiap mukmin yang mengikut kebenaran yang disampaikan oleh Nabis.a.w. walaupun seorang diri. Lihat Khalid bin Abdul Latif bin Muhammad Nur, *Manhāj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah wa Manhāj al-Ash'ārah fi Tawhid Allah Ta'ala*, Juz. 1 h. 20

Bahkan dalam konteks memahami al-Qur'an dan Hadith menjadi sebagai asas beragama tercermin dari sikap mereka antara lain; *Pertama* ialah komitmen terhadap al-Qur'an dan as-Sunnah adalah satu-satunya sumber utama ajaran Islam. Praktikal ini, mereka menggunakan sebagai sumber utama dalam pengajian dan sebagai rujukan dalam kehidupan keseharian baik akidah, syari'ah dan muamalah.

Pandangan ini dikemukakan oleh Ketua Bidang Dakwah sebagai berikut: "al-Qur'an dan hadith Nabi saw sentiasa kami menjadikan sebagai rujuk utama, baik aspek akidah, syariah dan muamalah. Setiap permasalahan yang dipertanyakan dan terjadi di kalangan kami, terlebih dahulu merujuk daripada al-Qur'an, hadith dan *athar* sahabat Nabi s.a.w."⁵⁵

Kedua, LDII mempunyai keterikatan kepada al-Qur'an dan al-Hadith terlihat dari pelaksanaan syari'at yang bersifat tekstualis (*skriptural*) dan mengutamakan *naql* konteks dan *maqashid*. Sikap ini tercermin kefahaman eksklusif dibandingkan dengan ahli organisasi-organisasi Islam di Indonesia lainnya. Sikap eksklusif pada intinya dipengaruhi oleh kefahaman *naql* konteks sahaja. Kefahaman ini terlihat dalam sikap memahami ayat-ayat al-Qur'an dan hadith dalam aspek syariah dan muamalah.

Ketiga, keyakinan terhadap keseluruhan *body (mushhaf)* al-Qur'an adalah wahyu yang sakral menyentuhnya harus suci, tidak boleh ditempatkan pada posisi yang merendahkan, tidak boleh dibaca sembarang orang dan tempat.⁵⁶ Ahli-ahli LDII dalam hal ini berpandangan kerana al-Qur'an merupakan *kalām Allah* yang harus dijunjungi tinggi dan dihormati. Oleh itu, dalam mempergunakan al-Qur'an harus mengikut sunnah Nabi s.a.w.. dan al-Qur'an sendiri.

⁵⁵ Sobri, (Ketua Bidang Dakwah DPD LDII Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 7 April 2008

⁵⁶ LDII (2007), *Makalah CAI*, *op.cit.*, h.50

Keempat, menolak *ta'wīl* (*hermeneutika*). Sebagai organisasi yang memiliki komitmen menjaga kemurnian al-Qur'an al-Hadith Jamāah LDII tidak melakukan interpretasi terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang memiliki makna *zanny*. Terhadap konteks ini, LDII lebih mengutamakan penafsiran melalui ayat dengan ayat, ayat dengan hadith mahupun *qaul al-Ṣahabat*. Pandangan ini sebagaimana dinyatakan oleh Ketua DPC Kerinci bahawa dalam menjamin kemurnian asas akidah, kami berpegang teguh pada garis panduan al-Qur'an dan hadith iaitu dengan menafsirkan ayat-ayat yang memiliki makna *zanny* kepada *al-asbab al-nuzul*, tafsiran ayat dengan ayat mahupun ayat dengan hadith.⁵⁷

Kelima, *nasīkh* dan *mansūkh* atau kefahaman terhadap ayat yang turun belakangan boleh menghapus ayat sebelumnya, yakni ayat-ayat *Madaniyyah* boleh menghapus (*nāsikh*) ayat-ayat *Makkiyyah*. Konsep *nasīkh* dan *mansūkh* juga mereka fahami dalam sunnah Nabi s.a.w.. Pandangan LDII ini bersumber daripada firman Allah dan sunnah Nabi s.a.w. sebagai berikut:

مَا نَنْسَخُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّمَّهَا أَوْ مِثْلَهَا

Ertinya: “Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya.”

Sūrah al-Baqarah (2):106

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُعَاذِ الْعَنْبَرِيِّ حَدَّثَنَا الْمُعْتَمِرُ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا أَبُو الْعَلَاءِ بْنُ الشَّيْخِ قَالَ كَانَ رَسُولُ

اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْسَخُ حَدِيثَهُ بَعْضُهُ بَعْضًا كَمَا يَنْسَخُ الْقُرْآنُ بَعْضُهُ بَعْضًا⁵⁸

Ertinya: Telah menceritakan kepada kami Ubaidullah bin Mu'adz al-Anbari telah menceritakan kepada kami al-Mu'tamir telah menceritakan

⁵⁷ Deson Feri, (Ketua DPD LDII Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 30 April 2008

⁵⁸ Muslim, *op. cit.*, Juz. 2 Hadith Nombor 803, h, 469

kepada kami bapakku telah menceritakan kepada kami Abu al-Ala' bin asy-Syikhkhir dia berkata, "Sebagian hadits Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menasakh (menghapus) sebahagian hadits beliau yang lain sebagaimana sebahagian al-Qur'an menasakh sebahagian yang lain."

Komitmen LDII terhadap sumber agama ini dan menjaga kemurnian pemahaman mengharuskan ahlinya mengkaji al-Qur'an dan al-Hadith secara *manqul* dengan intensiti yang tinggi. *Manqul* difahamkan bahawa pemahaman al-Qur'an dan al-Hadith harus bersambung hingga Rasulullah saw kerana dalam pandangan LDII bila kefahaman agama tidak dilakukan dengan cara *manqul*, maka pesan dan muatan syariat agama boleh terkeluar dari konteks tujuannya dan bahkan mungkin keinginan hawa nafsu yang lebih diutamakan. Sehingga bukan tujuan syariat agama yang diperoleh melainkan perbezaan pemahaman yang membawa perpecahan dalam agama. Di lain sisi, pengajian dengan sistem *manqul* diharapkan objek yang dipelajari langsung dapat dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari.

Kefahaman dengan cara ini, telah memberikan pengaruh terhadap ahli LDII dalam konteks pelaksanaan syariat dalam kehidupan dari sebelum bergabung dengan organisasi LDII. Hal ini sebagaimana diungkapkan oleh pengerusi Pimpinan Anak Cawangan (PAC) bahawa sistem pengajian secara *manqul* telah memberi peningkatan kefahaman keagamaan dan praktikal yang selari dengan al-Qur'an dan al-Hadith serta meningkatkan kualiti kami dalam melakukan ibadah.⁵⁹

Bentuk komitmen terhadap al-Qur'an, ahli-ahli LDII sentiasa mempelajari *qirā'at saba'ah* yang dilaksanakan di setiap cawangan-cawangan. Program ini boleh dikatakan sebagai program utama yang dilakukan oleh LDII kerana belum ada organisasi secara terancang mengajarkan *qirā'at sab'ah* seperti LDII. Demikian juga untuk meningkatkan kualiti bacaan bagi ahli-ahli LDII dilakukan kejuaran membaca al-Qur'an dengan

⁵⁹ Nuriman (Pimpinan Anak Cawangan(PAC) Bengkolan Dua), dalam temubual dengan penulis, Bengkolan Dua, 12 Ogos 2008

qirā'at sab'ah. Selain aktifitas mempelajari *qirā'ah sab'ah*, komitmen berpedoman hadith Nabi Muhammad s.a.w.. sentiasa dilakukan khatam al-Hadith dari salah satu kitab hadith dalam *kutub al-Sitah*.

Berdasarkan kriteria bentuk-bentuk dalam menjaga kemurnian asas akidah oleh LDII merupakan penjabaran daripada rukun iman kepada kitab-kitab Allah dan iman kepada Rasul. Bentuk keimanan terhadap kitab bukan hanya mengimani terhadap kitab-kitab yang diturunkan kepada para nabi dan rasul, tetapi khusus bagi al-Qur'an perlu dipelajari, dipahami dan diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Demikian pula keimanan dan keyakinan kepada kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.. memberi erti tidak hanya memperakui (*tashdiq*) sahaja, tetapi melaksanakan hadithnya baik *qauli, fi'ly* mahupu *taqrirnya* sebagai syar'at Islam. Pandangan mereka adalah selari dengan firman Allah:

﴿ وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا... ﴾

Ertinya: “Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.. kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. dan bertakwalah kamu kepada Allah;....”.

Sūrah al-Hasyr (59): 7

Menganalisis praktikal LDII dalam memahami al-Qur'an dan al-hadith sebagai asas berakidah secara am memiliki persamaan dengan kefahaman akidah Salafiyah, iaitu menjadikan al-Qur'an dan hadith sebagai rujukan utama dalam pelbagai persoalan baik akidah, syari'at mahupun mua'malah.

4.5.1.2 Pelaksanaan Ibadah

Selari menetapi akidah yang berasas al-Qur'an Hadith, pelaksanaan ibadah ahli LDII ialah mencakupi segala apa-apa yang diperintahkan, menjauhi yang dilarang, yang dicintai Allah dan diridai-Nya, baik dalam bentuk ucapan atau perbuatan, yang tampak mahupun yang tersembunyi, seperti do'a, salat, dan lain sebagainya. Merujuk daripada syari'at serta dalam mengesakan, mengagungkan dan mentaati-Nya LDII sentiasa menjaga kemurnian ibadah unsur-unsur *bidaah*, *khurafat*, *tahayul* dan *syirik*. Untuk mencapai tujuan dalam pelaksanaan ibadah mereka mengasaskan tiga prinsip utama iaitu; murni pedoman, murni pengamalan dan murni tujuan.

Pertama, murni pedoman ertinya segala bentuk ibadah baik wajib (*fardu*) mahupun sunah harus dirujuk daripada al-Qur'an dan hadith. Kerana dalam al-Qur'an dan hadith telah mengandungi ketentuan dan peraturan yang berkaitan dengan ibadah, muamalah, perintah dan tegahan, halal-haram, *haq-batl*, dosa-pahala, janji-ancaman dan lain-lainnya. Dengan al-Qur'an dan Hadith sebagai panduan maka sempurna untuk melaksanakan ibadah kepada Allah dan dijamin benar, sahnya dan pasti diterimanya.⁶⁰ Pandangan mereka berdasarkan daripada dalil hadith Abū Dawud dan Tirmidhī sebagai berikut:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ إِسْحَاقَ الْمُقَرَّبِيُّ الْخَضْرَمِيُّ حَدَّثَنَا سُهَيْلُ بْنُ مِهْرَانَ أَخُو حَزْمِ الْقَطَعِيِّ حَدَّثَنَا أَبُو عِمْرَانَ عَنْ جُنْدُبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَالَ فِي كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ⁶¹

Ertinya: "Telah menceritakan kepada kami 'Abd Allah bin Muḥammad bin Yahya telah menceritakan kepadaku Ya'qub bin Ishāq Al Muqri` Al Haḍrami telah menceritakan kepada kami Suhail bin Mihrān saudara Hazm Al Qutha'i, telah menceritakan kepada kami Abu 'Imrān dari Jundub ia berkata, "Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Barangsiapa berbicara tentang Kitabullah

⁶⁰ Makalah Cinta Alam Indonesia (2007), *op.cit.*, h. 54

⁶¹ Abu Dawūd (2000), *op. cit.*, Juz. 11 Hadith 3645, Al-Mamlukah al-Arabiyah al-Su'udiyah: Dār al-Salam Linasyri wa tawzī' h. 49

'azza wajalla menggunakan pendapatnya, meskipun benar maka ia telah salah."

Selanjutnya hadith dari Ibn 'Umar r.a.,

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ نَصْرِ بْنِ عَلِيٍّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبَّادٍ الْهَنْدِيُّ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْمُبَارَكِ عَنْ أَيُّوبَ
السَّخْتِيَّانِيِّ عَنْ خَالِدِ بْنِ دُرَيْكٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ تَعَلَّمَ
عِلْمًا لِيُغَيِّرَ اللَّهُ أَوْ أَرَادَ بِهِ غَيْرَ اللَّهِ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ 62

Ertinya: "Telah menceritakan kepada kami Ali bin Naṣr bin 'Ali telah menceritakan kepada kami Muhammad bin 'Abbad Al Hunā'i telah menceritakan kepada kami 'Ali bin Al Mubārak dari Ayyub as Sakhtiyāni dari Khālid bin Duraik dari Ibnu 'Umar dari Nabi s.a.w., beliau bersabda: "Barangsiapa belajar Ilmu untuk selain Allah atau menginginkan selain Allah, maka hendaklah dia menempati tempat duduknya (kelak) di neraka".

Kemurnian pedoman ini sebagaimana dikemukakan oleh Ketua DPD Provinsi Jambi bahawa untuk menjaga ibadah dari ditolak atau tidak diterima bahkan salah maka melalui organisasi telah ditegaskan pedoman yang harus dipergunakan dalam menetapkan suatu ibadah baik wajib mahupun sunah harus merujuk kepada al-Qur'an dan Hadith. Kerana masalah ibadah bentuk pelaksanaannya merupakan ketetapan Allah dan Rasul s.a.w. yang harus dirujuk kembali daripada sumber yang sah yaitu al-Qur'an dan Hadith sehingga tidak terperosok dalam bidaah⁶³

Kedua, murni pengamalan dimaksudkan bahawa dalam mengamalkan Qur'an dan Hadith yang telah dikaji secara *manqul musnad muttasshil* harus bersih dari bercampur *bid'ah*, *khurafat*, *syirik* dan *takhyul*. Ibadah yang bercampur dengan *bidaah*, *khurafat*, *syirik* dan *takhayul* tidak diterima Allah S.W.T. dan masuk neraka. Kaidah ini sangat diperhatikan ahli-ahli LDII sehingga dalam melakukan ibadah sangat proteksi sekali berbanding dengan umat Islam amya, seperti baik ibadah fardu mahupun sunah. Dalam

⁶² Al-Tirmidhī, *op.cit*, Juz 10 Hadith Nombor 2867 h.160

⁶³ Nurhamid Hadi, (Ketua DPD Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 5 Agos 2008

aspek ini mereka merujuk daripada hadith yang direkodkan oleh Imam al-Nasā'i sebagai berikut:

أَخْبَرَنَا عُثْبَةُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ أَنْبَأَنَا ابْنُ الْمُبَارَكِ عَنْ سُفْيَانَ عَنْ جَعْفَرِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فِي خُطْبَتِهِ يَحْمَدُ اللَّهَ وَيُثْنِي عَلَيْهِ بِمَا هُوَ أَهْلُهُ ثُمَّ يَقُولُ مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ إِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ وَأَحْسَنُ الْهُدَى هُدَى مُحَمَّدٍ وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا وَكُلُّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ⁶⁴

Ertinya: "Telah mengabarkan kepada kami 'Utbah bin 'Abdillah dia berkata; telah memberitakan kepada kami Ibn al-Mubāarak dari Sufyān dari Ja'far bin Muhammad dari bapaknya dari Jābir bin 'Abdullah dia berkata; "Apabila Rasulullah s.a.w. berkhutbah, maka beliau memuji dan menyanjung Allah dengan hal-hal yang menjadi hak-Nya, kemudian bersabda: 'Barangsiapa telah diberi petunjuk oleh Allah, maka tidak ada yang bisa menyesatkannya. Barangsiapa telah disesatkan oleh Allah, maka tidak ada yang bisa memberikan petunjuk kepadanya. Sebenar-benar perkataan adalah kitabullah (Al Qur'an), sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam, dan sejelek jelek perkara adalah hal-hal yang baru, setiap hal yang baru adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah sesat, dan setiap kesesatan di dalam neraka'.

Ketiga, telus niat ertinya diterima dan tidaknya suatu ibadah sangat tergantung kepada niatnya.⁶⁵ Kerana ibadah yang akan diterima oleh Allah S.W.T. dan diberikan balasan serta di masukkan surga harus dengan niat telus kerana Allah, sebab amalan bukan kerana Allah, maka Allah pasti menolak bahkan membalas dengan siska (Q.S. al-Lail (92):16-19.⁶⁶ Asas memurnikan niat/tujuan LDII merujuk daripada hadith riwayat al-Bukhari dan al-Nasā'i :

⁶⁴ Al-Nasā'iy, *op.cit.*, Juz.3, Hadith No. 1577. h.209

⁶⁵ LDII CAI 2007, *op. cit.*, h.

⁶⁶ Ertinya: Yang telah mendustakan (kebenaran) dan berpaling ingkar. Dan (sebaliknya) akan dijauhkan (azab neraka) itu daripada orang yang sungguh bertaqwa, yang mendermakan hartanya dengan tujuan membersihkan dirinya dan hartabendanya, Sedang ia tidak menanggung budi sesiapaupun, yang patut di balas,

عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ ، وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَا نَوَى ، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا ، فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ⁶⁷

Ertinya: Dari ‘Umar ibn Khattab r.a. berkata Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya syahnya amal dengan niat dan sesungguhnya bagi seseorang itu tergantung niatnya, maka sesiapa yang hijrah kepada Allah dan kepada RasulNya maka hijrahnya kepada Allah dan utusanNya (mendapat pahala surga) dan sesiapa hijrahnya hanya niat untuk mendapatkan dunia atau mendapat wanita untuk di nikahnya maka hijrahnya pada yang diniatkan.

أَخْبَرَنَا عَيْسَى بْنُ هِلَالٍ الْحِمَصِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حَمِيرٍ قَالَ حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ سَلَامٍ عَنْ عِكْرِمَةَ بْنِ عَمَّارٍ عَنْ شَدَّادِ أَبِي عَمَّارٍ عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ « إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبَلُ مِنَ الْعَمَلِ إِلَّا مَا كَانَ لَهُ خَالِصًا وَابْتِغَى بِهِ وَجْهَهُ⁶⁸ »

Ertinya: “Dikhabarkan ‘Isa ibn Hilāl al-Himsyūyū berkata: dikatakan Muhammad ibn Himyar, Mu’āwiyah ibn Sallām dari ‘Ikrimah ibn ‘Amr dari Syaddad Abī ‘Ammār dari Umamah al-Bāhily berkata: Telah datang seorang lelaki kepada Nabi s.a.w., telah bersabda: “Sesungguhnya Allah tidak akan menerima amal kecuali amalan yang mukhlis bagi-Nya dan dikehendaki mencari Dzat-nya.”

Oleh itu, LDII dalam aspek ibadah sangat proteksi dan menolak tegas segala bentuk *takhayul*, *bidaah*, *syirik* dan *khurafat*. Menolak segala macam bentuk-bentuk amalan yang bercampur dengan *animisme* dan *dinamisme*. Praktikal proteksionisme terlihat dalam amalan ibadah fardu dan ibadah sunah.

Kemudian dalam menjaga kemurnian khutbah Jumat dari kepentingan lainnya, LDII menggunakan bahasa Arab dengan pandangan bahawa khutbah merupakan bahagian dari salat Jumaat, sehingga yang disampaikan oleh khatib harus benar-benar menerangkan nasihat-nasihat keagamaan bukan nasihat-nasihat peribadi atau golongan menurut keinginan khatib.

⁶⁷ Al-Bukhārī, *op.cit.*, *Bāb al-Niyah fī al-Aimān*, Juz. 22, Hadith No. 6689, h. 139

⁶⁸ *Ibid.*, Juz. 2 Hadith No. 3140 h.332

Proteksionisme dalam ibadah LDII seperti saat menjelang pelaksanaan ibadah salat dan sesudah salat yang dilakukan secara berjamaah di mesjid. Mereka tidak melakukan praktikal sebagaimana yang dilakukan oleh kalangan NU yang menyanyikan pujian-pujian dan shalawat, juga duduk tafakur yang dipraktikkan oleh kalangan Muhammadiyah, melainkan digunakan untuk membaca al-Qur'ān. Sedangkan setelah selesai melakukan salat mereka melakukan zikir dan berdoa secara individual yang kemudian diringi dengan salat sunat. Kemudian dilanjutkan dengan penyampaian maklumat, nasihat-nasihat dan sekaligus koordinasi aktiviti sehari-hari.

Proteksionisme LDII dalam pelaksanaan ibadah shalat berjamaah sangat selektif untuk menempatkan seorang imam yang memimpin shalat berjamaah. Sebarang orang tidak diterima sebagai imam shalat berjamaah sebelum mereka mengenal sifat, sikap dan budi bahasa serta kemampuannya dalam hafalan al-Qur'ānnya. Tetapi bila, hanya sebagai makmum jamaah salat maka tidak menjadi persoalan. Sikap kehati-hatian dan proteksi dalam ibadah salat, tampaknya LDII bersumber daripada hadith yang diriwayatkan oleh Baihaqi dan hadith dalam rekod Abi Dawūd:

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ الطَّيَالِسِيُّ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ أَخْبَرَنِي إِسْمَاعِيلُ بْنُ رَجَاءٍ سَمِعْتُ أَوْسَ بْنَ ضَمْعَجٍ يُحَدِّثُ عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْبَدْرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْقَوْمِ أَقْرَبُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ وَأَقْدَمُهُمْ قِرَاءَةً فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَلْيُؤَمِّمَهُمْ أَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً فَلْيُؤَمِّمَهُمْ أَكْبَرُهُمْ سِنًّا...⁶⁹

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami Abū Walīd al-Ṭayalisi telah menceritakan kepada kami Shu'bah telah mengabarkan kepadaku Isma'īl bin Rajā', saya telah mendengar Aus bin Ḍam'aj telah menceritakan dari Abī Mas'ud al-Badriyyi berkata; Rasulullah Shallallahu alaihi wasallam bersabda: "Orang yang paling berhak menjadi imam shalat suatu kaum adalah yang paling pandai dalam Kitabullah (al-Qur'ān) dan lebih dahulu membacanya. Jika dalam hal bacaan mereka sama, maka hendaklah yang menjadi imam orang yang lebih dahulu hijrah. Jika dalam hal hijrah

⁶⁹ Abu Dawud, *op.cit.*, Hadith No. 582 Juz. 2 h. 289

mereka sama, maka hendaklah yang menjadi imam yang lebih tua,”.

Selanjutnya hadith daripada Abi Hurairah r.a.;

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ خَالِدٍ السُّلَمِيُّ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَلِيٍّ حَدَّثَنَا ثَوْرٌ عَنْ يَزِيدَ بْنِ شَرِيحٍ الْحَضْرَمِيِّ
عَنْ أَبِي حَيٍّ الْمُؤَدِّبِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَلَا يَحِلُّ لِرَجُلٍ يُؤْمِنُ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ يُؤَمَّ قَوْمًا إِلَّا بِإِذْنِهِمْ وَلَا يَخْتَصُّ نَفْسَهُ بِدَعْوَةٍ دُونَهُمْ فَإِنْ فَعَلَ فَقَدْ
خَانَهُمْ⁷⁰

Ertinya: “Dikatakan oleh Mahmūd ibn Khālid al-Sulamīy, dikatakan oleh Ahmad ibn ‘Ali, dari Yazid ibn Syuraih al-Hadramiy dari Abi Hayyi al-Mu’addin dari Abi Hurairah Nabi s.a.w. bersabda: “Tidak dihalalkan bagi seseorang laki-laki yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, untuk menjadi imam di salah satu kaum kecuali kerana ada ijin baginya, dan tidak diperbolehkan mengkhususkan do’a bagi dirinya sendiri tanpa mem-perhatikan yang lain. Jika berbuat demikian maka bererti ia menghianati mereka”.

Memperhatikan praktikal ibadah bila dihubungkan dengan akidah *pertama* kerana keteguhan mereka memahami hadith yang menjadi asas penjabaran al-Qur’an dalam pelaksanaan ibadah. *Kedua*, ialah meneladani praktikal ibadah yang dilakukan pada zaman Rasulullah s.a.w., di mana Rasulullah sentiasa memimpin pelaksanaan salat, khutbah dan sekaligus pemimpin di Madinah. Sedangkan bila Rasulullah berhalangan digantikan oleh Abu Bakar r.a. yang telah dikenal akhlak dan budi bahasanya serta *istiqamah* terhadap Islam. Di lain sisi, praktikal ibadah yang dilaksanakan bersama-sama (jamaah) imam/ketua bererti ahli LDII tetap melakukan komunikasi sesama anggota dengan imam. Kenyataan ini secara tidak langsung memperbaharui terus menerus komitmen kejamaah dan ketaatan kepada pemimpin.

Sikap LDII yang demikian menimbulkan praduga salah solah-olah orang-orang di luar anggota LDII tidak sah menjadi imam mereka. Kemudian secara eksklusif ahli

⁷⁰ *Ibid.*, Juz. 1 Hadith No 91, h.135

LDII dalam melaksanakan ibadah sentiasa melaksanakan pada masjid dan surau yang mereka bina, dan tidak bercampur dengan masyarakat muslim amnya.

4.5.2 Bidang Politik

4.5.2.1 Kepemimpinan

Kepemimpinan dalam Islam merupakan masalah yang sangat kompleks. Kaum Syiah memandang bahawa kepemimpinan adalah masalah akidah diniyah dan kerana itu wajib melaksanakan kepemimpinan Islam (*imamah*) yang harus dipersetujui bersama. Selanjutnya dalam pandangan Syi'ah konsep *imamah* merupakan bahagian daripada ideologi dikenal dengan *wilayat al-faqih*. *Wilayat al-faqih* merupakan bentuk kepemimpinan yang meneruskan kepemimpinan para Nabi (*qiyadat nabawiyah*) yang melahirkan kepemimpinan Tuhan di bumi. Oleh itu, syarat untuk menjadi pemimpin sangat ketat seperti; memiliki pengetahuan agama yang mendalam, maksum, dan *kafa'ah*⁷¹

Dalam pandangan Sunni, masalah *imamah* merupakan masalah kemaslahatan masyarakat (*qadiyah maṣlahiyyah ijtimai'iyah*), kerana mereka tidak mempunyai persyaratan yang terlalu ketat bagi seseorang yang hendak diangkat menjadi imam (*khalifah*). Menerusi pandangan Ibn Khaldun, yang penting ia cakap dalam mengendalikan pemerintahan. Akan tetapi negara yang kuat dan luas harus diasaskan pada agama.⁷²

Menganalisis dari dua sistem imamah antara Syiah dan Sunni di atas ialah Ulama Sunni umumnya lebih moderat dan lunak dalam persyaratan kepemimpinan dalam Syiah lebih ekstrem. Sehingga dalam sejarah politik umat Islam ulama Sunni lebih banyak bekerja sama dengan penguasa.

⁷¹ Schedina (1994) *Kepemimpinan Dalam Islam: Perspektif Syi'ah*, Bandung: Mizan, h. 280

⁷² Ibn Khaldun (1995), *Mukadimah Ibn Khaldun*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka. Lihat Quthb Muhammad Quthb Thobliyah, An-Nizhām (1982), *Al-Islamiyah: Al-Halaatu As-Salisah; Al-Islām wa Ad-daulah*, Kairo: Jami' Al-Huqūq, h. 57-58

Dalam sistem pemilihan kepemimpinan, LDII secara am merujuk daripada al-Qur'an dan al-Hadith. Berdasarkan ayat dan hadith yang dijadikan dalil mereka lebih cenderung kepada sistem khalifah. Kefahaman ini diperolehi daripada dalil-dalil yang dipergunakan sebagai asas dalam membangun organisasi LDII seperti; keharusan adanya *bai'ah* kepada amir/pemimpin dan ketaataan mutlak kepada khalifah. Kepemimpinan harus dibentuk dalam bentuk *kejamā'ahan* dan *bai'ah*. Adapun dalil-dalil yang dipergunakan dalam konsep kepemimpinan sebagai berikut:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...^ط

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu....”

Surah al-Nisā' (5): 59

Di samping ialah hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى أَخْبَرَنَا الْمُعَيْرَةُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْحُرَامِيُّ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ يَعُصِنِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ وَمَنْ يُطِيعِ الْأَمِيرَ فَقَدْ أَطَاعَنِي وَمَنْ يَعُصِ الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي⁷³

Ertinya: “Disampaikan Yahya, Mughīrah ibn ‘Abd al-Rahman al-Hizāmi dikhabarkan kepada kami dari Abi Zanādi dari ‘A’raj dari Abī Hurairah dari Nabi Muhammad s.a.w. bersabda: “Barangsiapa yang taat padaku (Nabi) sesungguhnya ia taat kepada Allah, sesiapa yang mendurhakaiku, sungguh ia mendurhakai Allah dan sesiapa taat kepada ulil amri sungguh ia telah taat kepadaku dan sesiapa yang mendurhakai uliamri sungguh ia mendurhakai aku”.

Keharusan berjamaah menjadi bahagian daripada kehidupan beragama serta ancaman bagi yang memisahkan dari jamaah. Aspek ini berasaskan kepada hadith yang direkodkan oleh Imam Bukhāri sebagai berikut:

⁷³ Muslim, *op.cit.*, Juz. 12 Hadith No. 4852, h. 236

حَدَّثَنَا أَبُو الثُّعْمَانِ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنِ الْجُعْدِ أَبِي عُثْمَانَ حَدَّثَنِي أَبُو رَجَاءٍ الْعُطَارِدِيُّ قَالَ سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ رَأَى مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا يَكْرَهُهُ فَلْيَصْبِرْ عَلَيْهِ ، فَإِنَّهُ مَنْ فَارَقَ الْجُمَاعَةَ شَبْرًا فَمَاتَ ، إِلَّا مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً⁷⁴

Ertinya: “Di katakan Abū al-Nu’mān, Hammad ibn Zaidin dari Abī ‘Usmān, Abū Rāja’ al-‘Utaridi mendengar Ibn ‘Abas r.a. Nabi s.a.w. bersabda:” “Barang siapa menyaksikan pada diri amir sesuatu yang tidak disenanginya hendaklah ia bersabar atas perbuatannya, kerana barangsiapa yang memisahkan diri dari jamaah walau hanya sejengkal maka ketika mati mayatnya jahiliyah”

Selanjutnya hadith yang direkodkan Imam Muslim iaitu:

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ مُعَاذٍ الْعَنْبَرِيُّ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا عَاصِمٌ وَهُوَ ابْنُ مُحَمَّدِ بْنِ زَيْدٍ عَنِ زَيْدِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنْ نَافِعٍ قَالَ جَاءَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ إِلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُطِيعٍ حِينَ كَانَ مِنْ أَمْرِ الْحَرَّةِ مَا كَانَ زَمَنَ يَزِيدَ بْنِ مُعَاوِيَةَ فَقَالَ اطْرَحُوا لِأَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ وَسَادَةَ فَقَالَ إِنِّي لَمْ آتِكَ لِأَجْلِلسَ أَتَيْتُكَ لِأَحَدِثَكَ حَدِيثًا سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنْ خَلَعَ يَدًا مِنْ طَاعَةِ لِقَى اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا حُجَّةَ لَهُ وَمَنْ مَاتَ وَلَيْسَ فِي عُنُقِهِ بَيْعَةٌ مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً⁷⁵

Ertinya: “Dikatakan ‘Ubaid ibn Mu’ādullah ibn Mu’adin al-‘Anbariy, dikatakan dari ayahku, dikatakan ‘Aṣim (Ibn Muhammad ibn Zaidin) dari Zaid ibn Muhammad dari Nāfi’ berkata: Telah datang ‘Abdullah ibn ‘Umar kepada ‘Abdullah ibn Mutī’“Tidak halal darah seorang muslim yang telah bersaksi bahawa Tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi s.a.w. sebagai Rasulullah keculi melakukan sesuatu dari tiga perkara: janda atau seseorang yang telah bersuami berzina, melakukan pembunuhan dan meninggalkan agamanya atau meninggalkan jemaahnya”.

Demikian pula untuk memperkuat kedudukan seorang pemimpin dalam organisasi LDII, mereka mewajibkan berbaiah kepada imam. Pandangan tersebut sebagaimana firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَى نَفْسِهِ وَمَنْ أَوْفَى بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٠١﴾

⁷⁴ Bukhari, *op.cit.*, Juz 23, Hadith No. 7054 h. 237

⁷⁵ Muslim, *op.cit.*, Juz 12, Hadith No. 4899, h.288

Ertinya: “Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (Wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka Hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.”

Selanjutnya dalam memperkuat dalil bai'ah dalam pengangkatan iman ialah hadith Nabi s.a.w. yang direkodkan oleh Abi Dawūd:

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا عَيْسَى بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ عَنْ زَيْدِ بْنِ وَهْبٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ رَبِّ
الْكَعْبَةِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ بَاعَ إِمَامًا فَأَعْطَاهُ صَفْقَةً يَدِهِ
وَمَثَرَةً قَلْبِهِ فَلْيُطِغْهُ مَا اسْتَطَاعَ فَإِنْ جَاءَ آخَرَ يُنَازِعُهُ فَاصْرِبُوا رِقَبَةَ الْآخِرِ 76

Ertinya: “Dikatakan Musaddad, dikatakan ‘Isa ibn Yunus, dikatakan al-A’mas dari Zaid ibn Wahbin dari ‘Abd al-Rahman ibn ‘Abdirabbilka’bah dari ‘Abd Allah ibn ‘Amr bahawa Nabi s.a.w.. bersabda: Barang siapa yang berbai’ah pada imam lalu berjabat tangan dengannya dengan zahir batin, maka taatilah imam sekemampuannya. Jika datang imam lain untuk mencabut bai’ahnya, maka pukulah leher orang lain itu”.

Memperhatikan konsep kepemimpinan yang dipraktikan oleh ahli LDII, mereka mempunyai persamaan dengan sistem *al-Siyasah Syiah*, yang menghendaki pemimpin harus mendapat legitimit *bai’ah* dari umat Islam. Kedudukan pemimpin mempunyai dwifungsi iaitu pemimpin agama sekaligus pemimpin Negara. Meskipun pertubuhan LDII mempunyai persamaan menentukan seorang pemimpin (amir/imam) dalam Syi’ah, tetapi mereka masih bersikap moderat, dan hanya berlaku dalam sistem organisasi LDII sahaja.

LDII terhadap konsep Negara mengakui pemerintahan yang sah adalah pemerintahan yang dibangun untuk kepentingan dan kemaslahatan bersama. Dalam sikap ini LDII mempunyai persamaan dengan pandangan Sunni bahawa urusan

⁷⁶ Abi Dawūd, *op.cit.* Juz. 12 Hadith No. 4250 h. 360

kenegaraan merupakan persoalan kemasyarakatan (*qadiyah maṣlahiyyah ijtimā'iyah*). Sehingga untuk memilih kepemimpinan, LDII juga mempunyai persamaan dengan tradisi pada masa kekhalifahan Islam bahwa pemimpin harus memiliki kemampuan memimpin dan juga mendalami ilmu agama. Kerana dalam kefahaman ini, seorang pemimpin mempunyai tugas sebagai pemimpin/ketua dan juga sebagai ulama. Seorang pemimpin adalah merupakan tokoh (*elite agama*) yang berperan sebagai pemimpin spiritual, imam dalam salat jamaah, sumber pengetahuan dan wali yang boleh dipercayai. Merujuk pandangan Nurhasyim bahawa yang dimaksud dengan amir/imam adalah pemimpin agama dan imam salat.⁷⁷ Berdasarkan pandangan ini, LDII tidak membezakan konsep kepemimpinan antara pengetua agama (ulama) dan pemimpin umara.

Dalam membahagikan jenis pemimpin dibezakan menjadi dua, iaitu *normatif idealistik* dan *realistik*. *Pertama*, secara normatif idealistik seorang pemimpin berperanan ganda iaitu sebagai pemimpin pemerintahan dan pemimpin spiritual sebagaimana Rasulullah dan Khulafa al-Rasyidin. Oleh itu, pemimpin harus menenuhi syarat-syarat memiliki keperibadian yang jujur, adil dan bijaksana; mempunyai wawasan pengetahuan yang mencukupi dalam bidang agama dan membolehkan mengambil peranan di tengah-tengah komuniti jamaah.

Kedua secara realistik, seorang pemimpin bertindak sebagai pemimpin spiritual dan sosial kemasyarakatan. Kenyataan ini merupakan konsekuensi dari kebijakan pemerintah Indonesia yang mengikut trikotomi kebijakan. Merujuk pandangan Hurgronje bahawa sebagai agama, Islam mempunyai tiga bahagian iaitu ibadah, kemasyarakatan dan kenegaraan.⁷⁸ Oleh kebijakan ini, pemerintah dalam menghadapi umat Islam dalam bidang ibadah memberikan kemerdekaan seluas-luasnya. Demikian

⁷⁷ Nur Hasyim (1975), *Imam Jamaah di Dalam Agama Islam dan Tujuh Fakta Syahnya Keamiran di Indonesia*, Surabaya: Islam Jamaah, h.13

⁷⁸ Hurgronje (1993), *Kumpulan Karangan Snouck Hurgronje*, Jakarta: LPIS, h.67

juga dalam bidang sosial kemasyarakatan seperti; pendidikan, kesehatan, ekonomi dan kebudayaan diberikan kemudahan dan subsidi. Namun terhadap aktiviti politik yang berhubung dengan kekhalifahan atau keamiran pemerintah sangat berhati-hati.

Sikap pemerintah berhati-hati dalam politik selari dengan pandangan Keller (1984) kepemimpinan itu bersifat *polymorphic* ertinya kepemimpinan seseorang dalam kehidupan tertentu, akan melahirkan kepemimpinan yang sama dalam bidang-bidang kehidupan yang lain. Pandangan ini sangat beralasan kerana kefahaman keagamaan LDII dibina dengan sistem kejamaah mempunyai sikap *monoloyalti* kepada pemimpin. Namun menganalisis pengaruh kepemimpinan terhadap ahli-ahli LDII bukan serta merta dipengaruhi oleh sikap kepemimpinan amir, tetapi berasal dari sosialisasi doktrin yang dilakukan secara *manqul*. Di samping itu juga disebabkan oleh doktrin-doktrin akidah yang mengharuskan untuk mentaati amir (pemimpin), selama yang ditaati tidak melakukan dan atau memerintahkan maksiyat, diantaranya ialah hadith yang direkodkan oleh al-Bukhāri:

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ حَدَّثَنِي نَافِعٌ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ ، فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ ، مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ⁷⁹

Ertinya: “Dikatakan Musaddad, Yahya ibn Sa’id dari ‘Ubaidullah, Nafi’ dari Abdullah r.a. mengatankan dari Nabi s.a.w. bersabda: “Wajib mendengar dan taat kepada pemimpin Islam baik dalam perkara yang disukai mahupun dibenci, selama pemimpin itu tidak menyuruh kepada maksiat. Jika menyuruh berbuat kepada maksiat maka tidak wajib mendengar dan taat.”

Selain daripada hadith al-Bukhāri, sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi⁸⁰ tentang larangan meninggalkan jamaah, balasan shurga bagi yang tetap dalam jamaah dan sebaliknya yang keluar dari jamaah maka matinya termasuk mati

⁷⁹ Bukhārī, *op.cit.*, Juz.23 Hadith Nomor 7144, h.363

⁸⁰ Al-Tirmizi, *loc. Cit.*

jahiliyah dan neraka tempatnya. Dan pada sisi kepemimpinan organisasi LDII mempunyai koordinasi yang solid di antara para pengurus yang sentiasa memperhatikan para ahli-ahlinya dari peringkat Anak Cawangan sehingga ke peringkat DPP.

4.5.2.2 Bentuk Negara

Selari menetapi al-Qur'an Hadith LDII, berpandangan bahawa Negara baik adalah berasaskan kepada syariat Islam sesuai dengan perintah al-Qur'an dan Hadith. Pemimpin (*'amir/khalifah*) yang paling baik ialah Muslim yang taat kepada Allah S.W.T. dan Rasulullah s.aw., berkemampuan menegakkan keadilan dan menyebarkan *amar al-ma'ruf wa nahi al-munkar*. Dengan lain perkataan sebagaimana system pemerintahan Islam seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. dan *khulafa al-rasyidīn*.

Pandangan LDII terhadap bentuk pemerintahan seperti; republik, kerajaan atau parlimen, LDII mengesahkan satu bentuk di antara yang telah menjadi kesepakatan ummat Islam dalam sistem pentadbiran negara, namun yang penting ialah adanya pemerintahan yang berkomitmen terhadap pelaksanaan syariat Islam dari pelbagai dimensi, juga mampu memanfaatkan apa yang ditawarkan oleh zaman moden seperti sains dan teknologi dewasa kini. Kebebasan pandangan LDII tentang bentuk atau sistem kenegaraan kerana tidak ditemukan ayat al-Qur'an mahupun al-Hadith yang secara khusus memerintahkannya untuk melaksanakan di antara sistem republik, kerajaan atau parlimen.

Pada kontek bentuk dan sistem pemerintahan di Indonesia, LDII berpandangan bahawa pentadbiran sistem pemerintahan Indonesia berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar (UUD) adalah final, meskipun tidak berasaskan kepada syariat Islam

kerana pemerintahan menganjurkan untuk melaksanakan perbuatan-perbuatan yang baik dan mencegah dari perbuatan yang bercanggah dengan syariat Islam. Asas Pancasila pada sila-silanya tidak bercanggah dan relevan dengan konsep ajaran Islam bahkan mendukung tegaknya pelaksanaan syariat Islam. Sebagaimana pandangan ketua DPD LDII Provinsi Jambi sebagai berikut:

“Sistem dan bentuk Negara Republik Indonesia yang berasaskan Pancasila merupakan suatu bentuk yang ideal kerana bangsa Indonesia terdiri dari pelbagai suku dan pelbagai agama sehingga dengan asas Pancasila membolehkan membangun persatuan dan kesatuan bangsa di atas kepentingan peribadi dan golongan. Kemudian dengan Pancasila setiap penganut agama dan kepercayaan diberikan kebebasan melaksanakannya sesuai dengan keyakinan dan kepercayaannya. Di samping itu setiap pengikut agama diperintahkan untuk saling menghormati setiap penganut agama dan kepercayaannya. Dan kerananya ahli LDII wajib mendukung dan mentaatinya.⁸¹

Merujuk daripada sejarah ditubuhkan LDII, sehingga LDII berparadigm baru, konsep negara tidak secara eksplisit dijabarkan. Berbeza dengan gerakan-gerakan seperti; NII (Negara Islam Indonesia), DII (Darul Islam Indonesia) dan JI (Jemaah Islamiyyah) serta beberapa harakah lainnya. Kenyataan ini menurut LDII kerana Indonesia bukan negara Islam dan tidak berbicara kemungkinan menjadikan hukum Islam sebagai dasar negara. Bagi LDII, Negara Kesatuan Republik Indonesia yang berasaskan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945 telah memberikan kebebasan untuk mengamalkan ajaran Islam dan untuk berbuat kebajikan. Bahkan secara nyata negara telah menetapkan beberapa undang-undang yang berasaskan ajaran Islam seperti; Undang-Undang Peradilan Islam (Mahkamah syariah), Kompilasi Hukum Islam (KHI), Undang-undang Wakaf Infak dan Sedekah (ZIS), Undang-Undang Perkahwinan serta Peraturan Pemerintah (PP), Undang-Undang Anti Pornografi dan Pornoaksi. Oleh itu, bagi LDII lebih baik menggunakan kesempatan dan fasiliti yang diberikan negara bagi meningkatkan kualiti beragama dan kesejahteraan ummat.

⁸¹ Nurhamid Hadi, (Ketua DPD Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 2 Juli 2008

Hal ini sebagaimana dikemukakan oleh penasihat DPD Kabupaten Kerinci bahawa “LDII saat ini belum berfikir membentuk Negara Islam. Ahli LDII sebagai ahli negara Indonesia berasaskan kepada Pancasila telah cukup kerana telah diberikan peluang dalam menjalankan agama Islam, demikian pula meskipun tidak menyatakan Indonesia sebagai negara Islam secara implisit nilai-nilai ajaran Islam telah dilaksanakan dalam pentadbiran negara seperti; menjamin hak-hak rakyat baik dalam sosial budaya mahupun pelaksanaan ajaran-ajaran agama.”⁸²

Selanjutnya terhadap sistem pemerintahan Indonesia yang berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar (UUD) serta bentuk Negara Kesatuan Republik Indonesia merupakan keputusan yang muktamat. Pandangan tersebut, kerana tidak ada satu ayat pun dari al-Qur’an maupun al-Hadith yang secara tegas menyuruh umat Islam mendirikan negara Islam, yang ada adalah perintah menjalankan kehidupan ini berdasarkan al-Qur’an dan al-Hadith secara *kaffah*. Perintah Allah dan Rasulullah saw adalah menjaga kemurnian agama dalam “satu barisan” dan tidak berkelompok-kelompok. Negara hanyalah alat untuk mencapai kesejahteraan (*welfare*), keadilan dan keamanan. Oleh itu NKRI sangat cocok untuk Indonesia yang mempunyai pelbagai agama, etnik, budaya dan bahasa. Sedang dalam memahami Pancasila asas dalam berbangsa dan bernegara DPD LDII berketetapan untuk meneguhkan bentuk dan eksistensi Negara Kesatuan Republik Indonesia di seluruh Indonesia selari fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) tahun 2006.

Menganalisis pandangan LDII di atas, pemerintahan negara merupakan perpaduan sistem pemerintahan Syiah yang mengharuskan adanya negara Islam dipimpin oleh seorang imam dengan pandangan Sunni yang mengharuskan tegaknya pemerintahan

⁸² Ir. Edi S, (Penasihat DPD LDII Kabupaten Kerinci), dalam temu bual dengan penulis, Tanjung Pauh, 4 Juli 2008

yang dipimpin oleh seorang khalifah yang adil. Dengan erti lain fungsi agama tidak terpisah dari sistem pemerintahan yang dilaksanakan oleh umat Islam.

4.5.2.3 Penyertaan Politik

Keikutsertaan dalam aspek politik di Indonesia, LDII hampir memiliki persamaan sejarah dengan organisasi sosial kemasyarakatan (NGO) seperti; Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah. Persamaanya ialah LDII pernah menjadi bahagian satu organisasi parti politik dan bersikap monoloyaliti terhadap parti iaitu Golkar. Demikian Nahdlatul Ulama (NU) bergabung sebagai pendiri parti Parmusi (Parti Muslim Indonesia), Partai Persatuan Indonesia (PPP), dan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB). Hal yang sama juga bagi Muhammadiyah bergabung dengan parti Masumi (Partai Muslim Indonesia), sebelum kedua organisasi iaitu NU dan Muhammadiyah kembali kepada khittah tiap-tiap organisasi.

Dalam menyalurkan hak politiknya LDII telah mengalami dua fase iaitu *pertama*, berafiliasi kepada parti politik GOLKAR dari tahun 1971 sehingga tahun 2002. *Kedua* sebagai organisasi masyarakat yang independen terhadap parti politik dari tahun 2002 sehingga sekarang. Sikap dalam berpolitik LDII sebagaimana diakui oleh Dewan Pimpinan Daerah LDII Provinsi Jambi sebagai berikut:

LDII dalam wacana politik di Indonesia telah melalui dua bentuk pertama adalah bergabung dengan parti pemerintah Orde Baru (ORBA) iaitu Parti Golongan Karya. Sedangkan selepas era reformasi menempatkan sebagai organisasi Islam yang bersikap independent. Independent dimaksudkan LDII ertinya setiap ahli LDII diberikan kebebasan dan menyalurkan hak pilih sesuai dengan hati nuraninya. Kemudian setiap parti politik yang bermaksud menyampaikan visi dan misi parti pengerusi menerima tanpa diiringi dengan kontrak politik.⁸³

Keterkaitan dan keterlibatan kepada parti politik (GOLKAR) secara historis bermula pada tahun 1970-an. Ahli dan alumni Pondok Pesantren Burengan Kediri

⁸³ Nurhamid Hadi, (Ketua DPD Provinsi Jambi, dalam temubual dengan penulis, Jambi, 2 Julai 2008

tempat pertama kalinya penyebaran gerakan LDII, telah menyalurkan aspirasi politiknya secara rasmi kepada Golkar. Hubungan politik tersebut ditandai dengan adanya Rekomendasi Sekber GOLKAR Nombor B349/SKB/XII/1970 tertanggal 2 Desember 1970 yang ditanda tangani oleh Mayjen TNI S. Sukowati.

Keterlibatan LDII dengan parti politik pada dasarnya tidak boleh dilepaskan dari “*politik tukar guling*” antara Sekber Golkar dengan “*Faksi Tidak Sesat*” dari Islam Jama’ah yang dinyatakan sesat oleh Kejaksaan Agung tahun 1971. Kepentingan Sekber GOLKAR berkait dengan rekonsolidasi politik yang diperlukan untuk mengokohkan bangunan Orde Baru melalui dukungan politik semaksimal pada tahun 1971. Sedangkan pada “*Faksi Tidak Sesat*” bagi alumni pondok Pesantren Burengan adalah posisi aman yang diperlukan untuk menjaga keberlangsungan gerakan, yang kemudian bernama LEMKARI. Bermula dari sinilah, LDII menerapkan monoloyaliti dalam politik.

Sementara itu, K.H. Jasrial Zakir Ketua Majelis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Kerinci mengungkapkan bahawa keterlibatan LDII dengan Golkar terjadi ketika terbentuknya LEMKARI, yang pembentukannya dibantu oleh Golkar. Pada waktu itu Sekber Golkar mengambil ahli LEMKARI untuk mendukung kepentingan politik Amir Murtono.⁸⁴ Hal itu ditambahkan oleh Chriswanto bahawa pada era Menteri Dalam Negeri Rudini, nama LEMKARI diusulkan untuk diubah menjadi LDII pada Musyawarah Besar IV (Mubes IV) tahun 1990, kerana nama tersebut sama dengan Lembaga Karatedo Indonesia yang juga disingkat LEMKARI. Hal yang sama juga, diusulkan oleh Naib Presiden Sudarmono, SH untuk lebih memberi gambaran sebagai organisasi masyarakat dengan cakupan nasional.⁸⁵

⁸⁴ Kiai Haji .Drs. Jasrial Zakir,(Ketua MUI Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Sungai Penuh,10 Julai 2008

⁸⁵ Chriswanto, (Wakil Ketua DPP LDII), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 20 Julai 2008

Sikap politik LDII terkenal dengan prinsip: “jelas ada di mana” dan “ada di mana-mana”.⁸⁶ Pandangan LDII dengan misi tersebut erti bahawa ahli-ahli LDII dalam menyalurkan hak undinya jelas kepada satu parti politik iaitu Golongan Karya (Golkar) dan di manapun berkedudukan tetap membawa misi dan identitas LDII.

Berbeza dengan Nahdlatul Ulama (NU) yang telah kembali kepada ke “Khittah 1926” pada Muktamar ke-27 tahun 1984 di Situbondo yang menerima Pancasila sebagai satu-satunya asas organisasi.⁸⁷ Keputusan muktamar tersebut dikuatkan dengan muktamar NU di Krapyak yang menegaskan pemutusan diri secara keorganisasian dengan Partai Persatuan Pembangunan (PPP) dan berhenti dari segala kegiatan politik praktis. Dengan platform khittah 1926 NU bersikap independen dalam berpolitik. Namun sebagai organisasi sosial kemasyarakatan sifat faksionalisme sulit untuk mewujudkan diri sebagai organisasi kemasyarakatan *an sich*.⁸⁸

Sikap politik dalam NU dikenal sikap: “tidak ke mana-mana” dan “ada di mana-mana”.⁸⁹ Ertinya bahawa NU tidak menjadi bahagian mana-mana parti politik tetapi memberikan kebebasan kepada ahli-ahli NU menyebar ke mana-mana parti politik. Paradigm NU ini, secara organisasi politik tidak terlibat langsung dengan mana-mana parti politik, tetapi NU secara organisasi memberikan kebebasan ahlinya dapat berpolitik dan memilih parti politik sesuai dengan hati nuraninya.

Demikian juga dengan Muhammadiyah yang bersikap independen kepada parti politik selepas Muktamar di Ujung Pandang pada tahun 1971. Secara historis platform ini diambil kerana politik praktikal banyak merugikan gerakan Muhammadiyah terdapat banyak kebijakan politik yang merugikan kegiatan organisasi dakwah

⁸⁶ Tobroni (1996), *op.cit.*, h. 232

⁸⁷ NU (1984), *Nahdlatul Ulama Kembali ke Khittah 1926*, Bandung: Risalah, h.57

⁸⁸ Khoirul Fatoni dan Muhammad Zen (1992), *NU Pasca Khittah, Prospek Ukhuwah dengan Muhammadiyah*, Yogyakarta: Media Widya Mandala.h. 34

⁸⁹ Tobroni, *op.cit.*,h. 232

Muhammadiyah, maka lewat Khittah Ujung Pandang dirumuskan supaya persyarikatan ini kembali ke pangkal jalan. Lewat Mukhtamar 1971, Muhammadiyah selanjutnya menjaga jarak dengan parti manapun.

Meskipun telah menjaga jarak dengan mana-mana parti politik, dalam politik di Indonesia, Muhammadiyah mengasaskan platform politik dengan pandangan “terserah ke mana-mana yang penting *eksis* di mana-mana”.⁹⁰ Ertinya hak politik bagi ahli Muhammadiyah merupakan hak setiap individu, akan tetapi di manapun ahli Muhammadiyah menjadi suatu ahli politik diwajibkan memberikan visi dengan etika, moral, dan misi Muhammadiyah. Asas wacana dalam berpolitik ini digambarkan sebagaimana pepatah “ikan laut” meskipun ikan hidup dalam kondisi air laut yang masin tetapi ikan tidak terpengaruh menjadi masin air laut. Dengan konteks visi ini bahawa para ahli politik Muhammadiyah tidak akan terpengaruh dengan mana-mana parti politik dalam aspek akidah, ibadah dan muamalahnya. Mengutip pandangan Amin Rais, para politisi Muhammadiyah harus berpolitik *adiluhung* (*high politics*) iaitu politik yang ditegakkan atas sendi-sendi *akhlak al-karimah*.⁹¹

Menganalisis fase pertama afiliasi LDII kepada parti Golkar adalah sesuai dengan ajaran dan faham *fatonah*, yang bererti cerdas dan penuh perhitungan untung ruginya. Sehingga untuk menjaga kedudukan dan kepentingan di tengah desakan pembubaran organisasi diperlukan pertimbangan adanya kekuatan dan kekuasaan yang boleh mendukung dan melindungi LDII daripada pembubaran, saat itu ialah Golkar. Kerana Golkar pada saat itu merupakan parti pemerintah yang berkuasa dan berperanan besar dalam pelbagai sistem iaitu ideologi, politik, sosial, budaya dan keamanan⁹²-- kenegaraan Indonesia.

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Amin Rais (1995), *Islam di Indonesia, Suatu Ikhtiar Mengaca Diri*, Jakarta: Rajawali, h.9

⁹² Golongan Karya pada masa Orde Baru sangat berkuasa dalam bidang Ideologi, Politik, Sosial Budaya dan Pertahanan dan Keamanan, sehingga apapun bentuk dan dinamisasi kehidupan sosial politik sentiasa dalam pemerhatian Golongan Karya GOLKAR.

Keputusan ini diambil oleh pengurus LDII— LEMKARI--dengan pertimbangan *pertama*, organisasi-organisasi masyarakat dan parti-parti Islam tidak menjamin kedudukan LDII dan bahkan sebaliknya berusaha menghancurkannya kerana dianggap mengikuti ‘faham sesat’. Sehingga pada saat itu organisasi masyarakat yang berasaskan Islam dan parti Islam dianggap sebagai musuh terhadap LDII. Pertimbangan *kedua*, ialah aspek politik saling menguntungkan (*mutualisme*) kerana pada saat itu Golkar sedang mencari sokongan membangun basis sosialnya maka keadaan ini oleh LEMKARI dimanfaatkan untuk menjalin kerjasama dengan kesepakatan Golkar akan melindungi dan menyokong perkembangan LDII dan sebaliknya LDII mendukung Golkar untuk meraih kemenangan Golkar. Menurut Suryadinata, LDII dijadikan organisasi khusus melaksanakan program- program Golkar.⁹³

Memasuki era reformasi, LDII dengan paradigm barunya mengubah sikap politik terhadap mana-mana parti politik. Pada masa ini LDII menjadi organisasi yang independen terhadap mana-mana parti politik. Pandangan ini dilaksanakan dengan pertimbangan bahawa situasi dan kondisi politik di Indonesia telah berubah yang boleh LDII mempertahankan diri dari tekanan-tekanan luar. Di samping itu merupakan amanah keputusan Musyawarah Nasional VI LDII No. Kep 06/Munas VI LDII/ 2005, Rekomendasi II.2.5 agar LDII bersikap netral terhadap semua parti politik. Selanjutnya ahli LDII dipersilahkan memilih sesuai aspirasinya untuk mendukung pemimpin yang berfihak kepada rakyat.

Hal ini sebagaimana hasil temu bual dengan wakil ketua DPD Provinsi Jambi mengatakan bahawa pada masa Orde Baru berkuasa diputuskan oleh DPP LDII pilihan politik kepada Golkar, maka dengan lengsernya Orde Baru sebagai penguasa dan bergulirnya era reformasi LDII mulai menempatkan sebagai organisasi yang Islam

⁹³ Leo Suryadinata (1992), *Golkar dan Militer, Studi Tentang Budaya Politik*, Jakarta: LP3ES, h. 185

profesional untuk tidak terikat dengan mana-mana parti politik dan bersikap netral⁹⁴ Demikian juga dikukuhkan oleh Sekretaris DPD Provinsi yang mengemukakan bahawa untuk mewujudkan yang organisasi yang profesional maka setiap kegiatan LDII akan sentiasa memperhatikan Anggaran Dasar (AD) dan Anggaran Rumah Tangga (ART) organisasi termasuk sikap independen dalam berpolitik. Pandangan tersebut merujuk fasal 8 Anggaran Dasar:

“Lembaga Dakwah Islam Indonesia sebagai wahana pendidikan dakwah keagamaan dan lembaga pendidikan kemasyarakatan dalam erti luas dan terpadu, bersifat independen, mandiri, terbuka, moderat, majemuk dan *egaliter* (kesetaraan) guna mewujudkan kebahagiaan hidup yang berdasarkan keselarasan, keserasian, dan keseimbangan dunia dan akhirat”⁹⁵

Bentuk independen dalam berpolitik melalui Pimpinan Pusat LDII maka pada Pemilihan Umum 2009 mengeluarkan pernyataan sikap tidak berpolitik praktis dan tidak mendukung kepada salah satu parti politik. Sikap ini diteruskan oleh Pimpinan-Pimpinan Daerah seluruh Indonesia dengan mengeluarkan pernyataan sikap yang sama serta menyerahkan sikap dalam berpolitik sesuai dengan hati nurani tiap-tiap ahli LDII. Demikian DPD LDII Provinsi Jambi juga mengeluarkan pernyataan independensi yang di sampaikan kepada pengerusi-pengerusi DPD Kabupaten yang diteruskan hingga kepada pimpinan anak cabang.

Menganalisis sikap LDII arah dalam berpolitik di era reformasi, dimungkinkan *pertama*, sokongan suasana demokratisasi di Indonesia dan tuntutan hak asasi manusia yang semakin terbuka baik dalam berpolitik mahupun beragama. Tuntutan hak asasi manusia ini telah memberikan kekuatan hukum kepada organisasi LDII dalam mengembangkan faham dan menjalankan ajarannya sesuai dengan kefahaman mereka.

⁹⁴ Muhammad Hasmi, SH, (Wakil Ketua DPD Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 15 Julai 2008

⁹⁵ Luluk Miftahudin, (Sekretaris DPD LDII Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 7 August 2008

Kedua, kedudukan LDII tidak lagi dipandang sebagai organisasi yang bercanggah dengan ajaran Islam oleh sebahagian umat Islam Indonesia kerana telah mengubah paradigm organisasinya. Sehingga dengan paradigm tersebut, LDII mulai diterima sebagai organisasi Islam oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) di beberapa Provinsi di Indonesia.

Berdasarkan hasil penyelidikan melalui *self assesment* yang dilakukan oleh LDII kepada DPD LDII di seluruh Provinsi di Indonesia diperoleh gambaran tiga peringkat pandangan terhadap kedudukan LDII iaitu “telah dipercayai”, “telah diakui” dan “tidak dipermasalahkan”. Di antaranya ada empat (12%) DPD LDII provinsi “telah dipercayai” sebagai sebagai pengurus MUI dan diikutsertakan dalam kegiatan MUI, selanjutnya 17 (52%) DPD LDII Provinsi “Telah diakui” dalam fasa ini LDII telah dilibatkan dengan kegiatan MUI, audiensi dan diterima serta tidak dipermasalahkan. Sedang yang terakhir ada 12 (36%) DPD LDII propinsi dalam kategori “Tidak dipermasalahkan” mengandug erti LDII belum dilibatkan dalam kegiatan MUI, audiensi dan klarifikasi telah dilakukan terhadap MUI, pengerusi MUI sesekali hadir dalam undangan LDII dan keberadaannya secara umum tidak dipermasalahkan.⁹⁶

Berdasarkan kategori *self assesment* MUI Provinsi Jambi telah mengakui LDII selari dengan faham ajaran Islam yang diikuti *mainstream* masyarakat Indonesia dan mengikutsertakan pengerusi/ahli DPD LDII ada yang telah dipercayai menjadi pengerusi MUI di daerah. Dan LDII sebagai organisasi masyarakat telah dilibatkan dalam beberapa kegiatan yang terkait dengan MUI.

Dan *ketiga*, ialah sikap-sikap dan pola keberagamaan masyarakat Islam Indonesia yang semakin matang dalam menyikapi perbezaan khilafiah. Meskipun demikian masih terdapat kalangan yang belum mempercayai sikap independen LDII dalam berpolitik,

⁹⁶ After New Paradigm, *op.cit.*, h.170-171

tetapi secara tertulis kita akui bahawa LDII dengan paradigmanya saat ini adalah sebagai organisasi yang independen dan tidak berpolitik.

4.5.3 Bidang Ekonomi

4.5.3.1 Membangun Sistem Ekonomi Syari'ah

Selari menetapi al-Qur'an Hadith sebagai asas dalam berakidah, LDII dalam membangun sistem ekonomi berasaskan syariah. Perilaku semua aktiviti ekonomi harus memberikan manfaat dan keuntungan yang sesuai dengan ajaran Islam. Menerusi keyakinan dan akidah dalam bidang ekonomi LDII menetapkan prinsip ekonomi, motif ekonomi dan sumber ekonomi berasas kepada ajaran Islam.

Perwujudan kefahaman akidah dalam pelbagai aktiviti usaha, pekerjaan, harta; zakat, infak, dan sedekah, pengharaman riba, dan konsep keadilan dalam sosio ekonomi. Padangan ahli LDII dalam bidang ekonomi sebagaimana hadith yang dipergunakan dalam memahami hubungan iman dengan tanggungjawab berusaha dalam memenuhi keperluan hidup, sebagai berikut:

لَيْسَ الْإِيمَانُ بِالتَّمَنِّيِّ وَلَا بِالتَّحَلِّيِّ , وَلَكِنْ مَا وَقَرَ فِي الْقَلْبِ وَصَدَّقَهُ الْعَمَلُ⁹⁷

Ertinya: “Iman itu bukanlah merupakan harapan dan bukan pula perhiasan lahir, melainkan yang tertanam dalam hati dan dibuktikan oleh perbuatan”

Merujuk dalil yang dipergunakan, para ahli LDII berpandangan bahawa keimanan (akidah) harus terwujud dalam sikap semua amal perbuatan termasuk aspek ekonomi. Selari dengan pendapat Yusuf Qardlawi yang menyatakan bahawa iman merupakan

⁹⁷ Ibn Abi al-'Izz al-Hanafi, *Sharh al-Tahāwīyah fī al-'Aqīdah al-Salafīyah*, Juz. 2 Beirut : Dār al-Bayan h. 249 Lihat Ibn Taimiyah (t.t.), *Majmu' Fatawa, Bāb al-Kilānīyah*, Juz. 1 Al-Rabat: Maktabat al-Ma'arif, h. 131

kepercayaan, kerja dan keikhlasan. Para ahli kalam sepakat bahawa amal itu adalah bahagian dan tidak dapat diceraikan dari keimanan yang sempurna.⁹⁸

Oleh itu, dalam menjabarkan ekonomi syariah DPP LDII melalui ketetapan No 037/DPP LDII/XI 2000 pengembangan ekonomi melalui usaha yang disebut Usaha Bersama (UB). Aktiviti Usaha Bersama (UB) merupakan usaha yang dibangun oleh ahli-ahli LDII dan bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi ahli LDII. Meskipun demikian Usaha Bersama juga turut memberikan pelayanan kepada masyarakat am lainnya. Sebagai usaha meningkatkan ekonomi, Usaha Bersama (UB) berbasis diperingkat Pimpinan Cawangan (PC) yang tersebar di seluruh Indonesia.

Kegiatan Usaha Bersama misalnya LDII membuka kedai menjual barangan keperluan masyarakat sekitar jadi bukan untuk kepentingan dari anggota LDII sendiri, seperti ini merupakan suatu cara untuk berhubungan antara ahli LDII dengan orang di luar LDII. Merujuk pandangan ketua biro ekonomi bahawa dalam keikutsertaanya membangun ekonomi ummah kami telah melaksanakan usaha bersama (UB) dalam berbagai bentuk seperti kedai serba ada, kedai pakaian muslim, biro jasa perjalanan haji dan umarah. Sejak ditubuhkan Unit Usaha Bersama (UUB) telah memberikan manfaat bagi ahli LDII dan masyarakat amnya di Provinsi Jambi.⁹⁹

Selain kerjasama usaha bersama (UB), dibina pula kerjasama arisan yang diperuntukkan untuk pelaksanaan ibadah haji. Arisan ini dilaksanakan dengan tujuan saling tolong-menolong kepada ahli LDII yang akan melaksanakan ibadah haji dengan sistem beratur dengan mempertimbangkan beberapa aspek seperti; jumlah arisan yang telah disimpan, umur dan kesedian ahli yang akan melaksanakan ibadah haji. Sistem ini

⁹⁸ Yusuf Qadlawi, *al-Īmān wa al-Hayah*, *op.cit.*

⁹⁹ Rustam (Ketua Biro Ekonomi DPD Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 9 Agos 2008

sangat menolong kerana dapat membantu kepada ahli yang akan melaksanakan ibadah haji tetapi tidak memiliki wang untuk langsung tunai membayar ongkos haji.

Kemudian sesuai perubahan paradigma baru LDII maka saat ini LDII dengan prinsip-prinsip ekonomi syari'ah, LDII Provinsi Jambi menjalin kerjasama dengan Bank Rakyat Indonesia Syari'ah dalam bentuk tabungan ansuransi dan penyaluran dana kepada ahli LDII dengan sistem Islam yang diberi nama "BRInglive". Dalam penyaluran dana kepada nasabah menggunakan sistem syari'ah. Hal ini sebagaimana dikemukakan oleh Ketua DPD Provinsi Jambi bahawa memberikan pelayanan kepada ahli LDII dalam bidang ekonomi seperti tabungan, pinjaman (kredit) kewangan maka kami menjalin kerjasama dengan Bank Rakyat Indonesia (BRI) Syariah dengan sistem traksaksi Islam.¹⁰⁰

Hubungan kerjasama antara LDII dan BRI Syari'ah secara khusus adalah diperuntukan kepada ahli LDII, tetapi juga LDII dapat memberikan bantuan kepada sesama muslim. Selain penyaluran dana dalam bentuk pinjaman, juga berfungsi menyalurkan dana-dana bantuan kepada anak-anak yatim, orang kurang upaya, janda dan dana pendidikan kepada anak-anak yang memerlukan biaya pendidikan.

4.4.3.2 Produktivi Kerja

Merujuk pelbagai pendapat, kefahaman akidah boleh memberi pengaruh terhadap sikap dan amal perbuatan termasuk dalam aspek produktiviti dan hasil kerja. Maka dalam perspektif LDII, akidah telah meningkatkan produktif dan pekerjaan secara signifikan. Bahkan menurut ahli-ahli LDII, kebahagiaan dan kejayaan dalam kehidupan dunia mahupun di akhirat bergantung daripada amal usaha (produktifiti beramal dan bekerja). Mereka berpandangan sebagaimana firman Allah dalam surah al-Zukruf (43):72

¹⁰⁰ Nurhamidhadi, (Ketua DPD Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 4 April 2009

وَتِلْكَ الْجَنَّةُ الَّتِي أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧٢﴾

Ertinya: “Dan (dikatakan lagi kepada mereka): "Inilah Shurga yang diberikan kamu mewarisinya, disebabkan apa yang kamu telah kerjakan".

Surah al-Zukruf (43):72

Merujuk pandangan Ketua bidang Peberdayaan Ekonomi dan Koperasi dikatakan bahawa akidah yang kami yakini telah mendukung aktiviti produktifiti dan kualiti kerja. Produktivi dan kerja tentunya sesuai dengan profesi tiap-tiap ahli LDII. Kualiti tersebut diperlihatkan bahawa peringkat kesejahteraan ahli LDII semakin meningkat. Mereka lakukan bahawa semua amal perbuatan akan bernilai ibadah jika diasaskan dengan akidah yang benar.¹⁰¹ Sebagai dasar adalah firman Allah S.W.T. :

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

Ertinya: “Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka dari segala jenis nikmat yang amat indah dipandang dan mengembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan”.

Sūrah al-Sajadah (32):17

Keteguhan keyakinan dalam berakidah telah menafikan hidup untuk berangan-angan dan harapan kosong tanpa melakukan usaha dan kerja giat. Pandangan ini sebagaimana diungkapkan oleh salah seorang pengerusi Dewan Pimpinan Daerah Kerinci, bahawa pemahaman keagamaan telah meningkatkan aktifiti untuk bekerja keras meraih kesejahteraan melalui kerja dan membuang jauh angan-angan yang kosong.¹⁰²

¹⁰¹ Irman (Ketua bidang Pemberdayaan Ekonomi dan Koperasi DPD Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 4 April 2009

¹⁰² Desonferi, (Ketua DPD LDII Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci 7 April 2009

Pengaruh keyakinan (akidah) dalam diri ahli LDII, mengurangi tingkat pengangguran dan bahkan menghilangkan pengangguran. Sebagaimana dikemukakan oleh salah seorang pengerusi DPD kabupaten Kerinci bahawa pemahaman ajaran agama yang dikembangkan oleh LDII telah mempengaruhi ahli dalam bekerja dan berusaha dan menghilangkan sikap-sikap yang tidak baik seperti menganggur dan malas bekerja. Kerana dalam organisasi kami sentiasa untuk beramar makruf, nasihat menasihati, tolong-menolong, termasuk dalam membantuk untuk bekerja sehingga tidak ada ahli LDII yang tidak bekerja.¹⁰³

4.4.3.3 Pengelolaan harta

Sikap bertawhid *Rubūbiyyah* dan *Ulūhiyyah*, ahli LDII dalam menjalankan hak dan kewajiban pengelolaan harta benda boleh dikatakan memiliki perbezaan yang signifikan dengan ahli di luaran LDII. Dalam *mentasarufkan* harta benda ahli LDII memiliki intensiti yang tinggi baik melalui zakat, infak dan sedekah. Dari ketiga jenis kewajiban terhadap harta tersebut, melalui infak dan sedekah mendapatkan perhatian lebih tinggi dengan pertimbangan kerana pelaksanaan zakat ditentukan oleh *nisab* dan *aul*. Sehingga infak dan sedekah menjadi saranan untuk berlomba-lomba ahli LDII dalam menyalurkan hartanya. Aktiviti dalam memanfaatkan peluang untuk mempertingkatkan amal perbuatan sejalan dengan firman Allah:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا بَيْعَ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَاعَةٌ وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Ertinya: “Hai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (di jalan Allah) sebagian dari rezki yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang hari yang pada hari itu tidak ada lagi jual beli dan tidak ada

¹⁰³Ahmad Junaidi, (DPD Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 14 April 2009

lagi syafa'at[160]. dan orang-orang kafir Itulah orang-orang yang zalim.”

Sūrah Al-Baqarah 2:254

Intensiti tinggi ahli LDII dalam berinfak dan sedekah sehingga saat ini LDII sebagai organisasi diperhitungkan pada peringkat Nasional. Kemampuan bidang pengumpulan infak, sedakah sehingga menimbulkan persepsi yang negatif yang dituduhkan kepada LDII, seperti yang dikatakan oleh Amin Jamaluddin bahawa penggalangan dana dari pengikut LDII dijadikan bentuk kesetiaan serta kesungguhan dari baiat sumpahnya dari jamaah.¹⁰⁴

Berdasarkan hasil temu bual dengan Ketua DPD Provinsi Jambi, bahawa pendanaan LDII yang mencapai peringkat yang signifikan, namun tidak seperti yang dituduhkan kerana bentuk kesetiaan dan baiat. Hasil dana tersebut, terkumpul dari infak dan sedekah yang rutin dilaksanakan oleh ahli LDII setiap selesai pengajian-pengajian yang dilakukan. Demikian juga terkumpul dari infak sedekah hari Jumaat, Ramadhan, Hari Raya dan lain-lain. Meningkatnya tersebut didukung oleh tingkat intensiti pengajian yang dilakukan iaitu 3 sehingga 4 kali perminggu. Di samping itu juga peningkatan jumlah ditambah pengikut organisasi LDII. Peningkatan jumlah ahli dengan sendirinya juga meningkatkan penerimaan infak dan sedakah. Di sisi lain adalah meningkatnya ilmu agama yang terus mereka ikuti dalam setiap pengajian.¹⁰⁵

Perolehan dana sesuai dengan Anggaran dasar dan Anggaran Rumah Tangga digunakan dalam pembinaan fasilitas-fasilitas seperti masjid, pondok pesantren, sekolah, TPQ dan TPSQ serta bantuan pendidikan bagi siswa-siswi yang kurang mampu dan membantu terhadap bencana alam seperti; korban banjir, sunami, gempa bumi dan bencana-bencana lainnya. Pandangan ini dikemukakan oleh wakil ketua bahawa dana

¹⁰⁴ Amin Jamaluddin, *op.cit.*, 6

¹⁰⁵ Nurhamid Hadi, (Ketua DPD LDII Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, 7 Julai 2008

dari infak dan sedekah yang terkumpul dipergunakan untuk membiayai organisasi, penyediaan fasiliti LDII, bantuan pendidikan, bantuan bencana alam dan dakwah.¹⁰⁶

4.5.4 Sosio Budaya

4.5.4.1 Adat (*'Urf*)

Sebagai satu kenyataan bahawa LDII sebagai pertubuhan dakwah Islam akan terus akan berhadapan dengan kebudayaan¹⁰⁷ masyarakat seperti adat resam dan pelbagai budaya masyarakat. Selari dengan asas akidah menetapi al-Qur'an dan al-Hadith Jamaah LDII menerima adat (*'urf*) sepanjang sesuai dengan syari'at Islam.

Pandangan LDII tersebut merujuk daripada kaidah fikih; "*al-'adat al-muhakkamah*" ertinya adat istiadat dan kebiasaan suatu masyarakat, yang merupakan bagian dari budaya manusia, mempunyai pengaruh dalam menetapkan hukum. Demikian juga ketentuan "*al-thābit bil'urf thābit bi dalāl syar'i*" ertinya apa yang sabit berdasarkan *'urf* sebenarnya sabit berdasarkan dalil syarak. Dan juga kaidah "*al-thābit bil'urf kā thābit bi nas*" ertinya apa yang sabit dengan *'urf* samalah dengan apa yang sabit dengan nas.¹⁰⁸

Dalam aspek adat yang sebenarnya adat, ahli LDII menerimanya sebagai konsekwensi hukum alam (*sunatullah*) yang belaku di atas dunia ini. Kerana adat merupakan ketetapan Allah S.W.T yang tidak akan berubah sehingga hari Kiamat.

Dalam perspektif adat dikenal dengan ungkapan "*tak lekang oleh panas, tak lapuk oleh*

¹⁰⁶Drs. Edison Feri, (Ketua DPD Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 14 April 2009

¹⁰⁷ Dalam bahasa Melayu budaya disamaertikan dengan tamadun atau peradaban. Kata dasarnya berasal daripada bahasa Sanskrit *budhaya* bererti akal budi. Dalam bahasa Inggeris ia disebut sebagai *culture*. Perkataan asal dari bahasa Latin bermaksud menghasilkan bumi. Selanjutnya ia digunakan bagi erti penghasilan atau pengembangan akal. Dalam bahasa Arab disebut dengan perkataan *tahafah*, suatu istilah yang sangat rapat dengan istilah *tamadun* dan *Hadarah* bererti tamadun atau peradaban. Berasaskan daripada etimologi budaya boleh diuraikan sebagai cara hidup masyarakat secara umum termasuk, cara berfikir, kepercayaan, adat resam, bahasa, teknologi, muzik sastera dan tradisi. Menurut ahli sosiologi mengartikan kebudayaan dengan keseluruhan kecakapan (adat, akhlak, kesenian, ilmu dan lain-lain). Para ahli sejarah mengartikan kebudayaan sebagai warisan atau tradisi. Ahli Antropogi melihat kebudayaan sebagai tata hidup, *way of life*, dan kelakuan. Definisi-definisi tersebut menunjukkan bahawa jangkauan kebudayaan sangatlah luas dapat disimpulkan bahawa kebudayaan meliputi; 1. Kehidupan Spritual 2. Bahasa dan Kesustraan 3. Kesenian 4. Sejarah 5. Ilmu Pengetahuan *Kamus Dewan* (1980), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Koentjara Ningrat (1980), *Pengantar Antropologi*, Jakarta: Aksara Baru, h. 195 Tawfiq Yusuf al-Wā'ī (1988), *Al-Ḥadārah al-Islāmiyyah Muqāranah bi al-Ḥadārah al-Gharbiyyah*, Kaheerah: Dār al-Wafā' h. 19-21

¹⁰⁸ Al-Suyūfī (t.t.), *al-Asybah Wa al-Nazā'ir*, Kaheerah: Maktabah al- Tijāriyyah, h. 80-88

hujan, dipindah tidak layu, dibasuh habis air". Artinya, semua ketetapan yang ada di alam ini memiliki sifat-sifat yang tak akan berubah oleh perubahan masa dan waktu. Dalam konteks 'adat yang sebenar adat' ahli LDII Provinsi Jambi, menerima semua ketetapan yang telah menjadi hukum alam (*nature of law*) kerana hukum alam merupakan hukum Allah yang harus diyakini ketetapanannya.

Selanjutnya terhadap "*adat yang diadatkan*" atau semua ketentuan yang berlaku di dalam masyarakat yang merupakan kodifikasi dari hukum. Ia adalah peraturan hidup yang diwujudkan oleh nenek moyang dahulu bagi memastikan wujud keharmonian dalam konteks hidup bermasyarakat. Ahli LDII menerimanya dengan selektif artinya adat yang diadatkan sesuai dengan syariat ajaran Islam. LDII juga melaksanakan dalam kehidupan sehari-hari, kerana hakikatnya adat yang diadatkan telah dikondifikasikan oleh tokoh-tokoh masyarakat dengan mempertimbangkan budaya dan nilai-nilai moral bertujuan mengatur kehidupan bermasyarakat dalam hal ketertiban masyarakat, perekonomian, dan sosial budaya. Bahkan dalam hubungan sosial keagamaan ahli LDII sangat konsen melaksanakannya. Hal ini sebagaimana dikemukakan oleh ketua bahagian dakwah dan pengkaderan LDII Kabupaten Kerinci sebagai berikut:

Dalam menjamin hubungan yang harmoni di tengah-tengah masyarakat dan khususnya dengan ahli LDII kami sentiasa mengutamakan adat yang diadatkan mempraktikkan sopan satun (budi bahasa) dalam bertutur kata dalam kehidupan keluarga dan bermasyarakat. Etika tersebut dilaksanakan oleh ahli LDII sesuai dengan suku bangsanya. Misalnya sesama suku Jawa akan menggunakan bahasa Jawa sesuai dengan kriterianya itu *kromo*, *kromo inggil*¹⁰⁹ atau *ngoko* demikian dengan etnik-etnik bangsa lainnya.¹¹⁰

Lebih lanjut pandangan yang dikemukakan oleh pengerusi LDII Ketua Bidang Sosial bahawa dalam menjalin hubungan sosial kemasyarakatan kami sentiasa menerapkan adat yang diadatkan masyarakat setempat. Sehingga dakwah Islamiah yang

¹⁰⁹ *Kromo Inggil* artinya bahasa peringkat utama, iaitu cara bertutur bahasa dengan orang-orang yang lebih tua. Dan cara bertutur ini juga dipergunakan terhadap orang-orang yang memiliki jabatan dalam struktur sosial masyarakat. *Ngoko* artinya cara bertutur sesama yang usianya sebaya.

¹¹⁰ Ahmad Sobri, (Ketua Bagian Dakwah dan Pengkaderan DPD Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 5 Julai 2008

disampaikan mudah untuk dipahami dan dipraktikan dalam kehidupan sosial kemasyarakatan.

Selanjutnya terhadap “adat yang teradat” atau aturan yang terbentuk berdasarkan musyawarah. Dalam konteks ini, ahli LDII menerima dan menyerahkan kepada ahli LDII di mana sahaja duduk untuk ikut menyesuaikan adat yang teradat di tengah-tengah komuniti masyarakat, kerana kesepakatan yang ditetapkan oleh orang banyak tentu akan sentiasa memperhatikan dari aspek hukum Islam, adat dan berbagai norma yang selari dengan perikehidupan beragama, berbangsa dan bernegara.

Sedangkan terhadap adat istiadat atau ritual-ritual yang sering dilakukan mengiringi majlis yang dianggap rasmi bagi ahli-ahli LDII menerimanya dengan sangat selektif. Tidak serta merta adat istiadat diterima kerana dalam tradisi masyarakat masih banyak bercampur dengan unsur *khurafat*, *takhayul*, *bidaah* dan *syirik*.

Selari dengan konsep akidah *tawhid* ahli LDII terlebih dahulu memastikan bahawa adat istiadat tidak bercanggah dengan al-Qur’an dan hadith. Pandangan ini sebagaimana dikemukakan oleh mubaligh LDII DPC Kerinci bahawa para ahli LDII terlebih dahulu bertanya tentang persolaan yang belum difahami sebelum dilakukan baik aspek syari’ah, muamalah mahupun adat istiadat yang sentiasa dilakukan oleh masyarakat.¹¹¹

Kefahaman terhadap akidah (*tawhid*) telah membersihkan dari praktikal adat istiadat yang bercanggah dengan aqidah Islam seperti; adat tolak balak sewaktu mendirikan rumah, kepercayaan terhadap perintang hari, kekuatan ghaib, memukul gendang atau benda-benda lain sewaktu gerhana berlaku, menjadikan kubur-kubur

¹¹¹ Nuriman (Mubaligh LDII DPC Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Bengkulu Dua, 22 April 2009

orang yang dianggap keramat atau wali sebagai tempat memohon hajat atau membayar niat.

4.5.4.2 Hak dan Kedudukan Wanita

Salah satu tema utama sekaligus prinsip pokok dalam ajaran Islam adalah persamaan antara manusia, antara lelaki dan wanita, antar bangsa, suku dan keturunan. Perbezaan yang meninggikan atau merendahkan hanyalah pengabdian dan ketakwaannya kepada Tuhan Yang Maha Esa.

يٰٓاَيُّهَا النَّاسُ اِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَّاُنْثٰى وَجَعَلْنٰكُمْ شُعُوْبًا وَّقَبَاٖۗٔلَ لِتَعَارَفُوْۤا اِنَّ
اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللّٰهِ اَتْقٰىكُمْ

Ertinya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)”.

Sūrah al-Hujarat (49): 13

Perspektif LDII terhadap kedudukan antara lelaki dan perempuan juga merujuk daripada dalil al-Qur’an. *Pertama* tujuan dan proses penciptaan manusia, ialah sebagai hamba; sūrah al-Zāriāt (51):56, sūrah al-Hujarāt (49): 13, sūrah al-Naḥl (16):97 . Dalam kefahaman ini ahli-ahli LDII memandang bahawa manusia sebagai hamba Allah, tidak ada perbezaan antara lelaki dan perempuan. Lelaki dan perempuan mempunyai kedudukan yang sama menjadi hamba yang ideal (*muttaqīn*). Demikian pula dengan pengkhususan yang diberikan kepada lelaki seperti; seorang suami setingkat lebih tinggi daripada seorang isteri¹¹², lelaki pemimpin (pelindung) wanita,¹¹³ memperoleh

¹¹² Surah al-Baqarah (2): 228

¹¹³ Surah al-Nisā (4): 34

pembahagian warisan lebih banyak berbanding perempuan¹¹⁴, menjadi saksi yang efektif¹¹⁵, diperbolehkan poligami¹¹⁶ tetapi kesemua kekhususan yang diperuntukkan bagi lelaki tidak menyebabkan lelaki menjadi hamba yang mulia.

Kedua, Lelaki dan perempuan sebagai khalifah di bumi; sūrah al-An'ām (6): 165, sūrah al-Baqarah (2): 30. Lelaki dan perempuan dalam kefahaman ini mempunyai fungsi yang sama sebagai khalifah yang bertanggungjawab terhadap tugas daripada kekhalifahan yang telah diamanahkan oleh Allah S.WT.

Ketiga, lelaki dan perempuan menerima perjanjian Primordial Tuhan. Dalam kefahaman ini, ahli-ahli LDII memandang sama antara lelaki dan perempuan memikul amanah perjanjian daripada Tuhan. Sebagaimana diketahui bahawa menjelang seorang anak manusia keluar dari rahim ibunya, ia terlebih dahulu harus menerima perjanjian dengan Tuhan.

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ
قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Ertinya: "Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya Kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tawhid) ini".

Sūrah al-A'rāf (7) : 172.

Keempat Adam dan Hawa terlibat secara aktif dalam Drama Kosmis. Ahli-ahli LDII dalam konteks menerusi firman Allah; sūrah al-Baqarah (2):35 dan sūrah al-A'rāf

¹¹⁴ Sūrah al-Nisā (4): 11

¹¹⁵ Surah al-Baqarah (2): 282

¹¹⁶ Surah al-Nisā (4): 3

(7): 20, 22, 23 menyakini bahawa semua kisah yang menceritakan Adam dan Hawa, selalu melibatkan kedua belah pihak seperti; keduanya diciptakan Allah di Shurga, mendapatkan godaan yang sama daripada syaitan, memakan buah khuldi, memohon ampun kepada Allah dan setelah sampai di bumi saling melengkapi dan memerlukan.

Kelima, lelaki dan perempuan berpotensi meraih kejayaan. Dalam aspek inipun ahli-ahli LDII berfaham bahawa antara lelaki dan perempuan mempunyai peluang dan kesempatan meraih kejayaan yang sama. Pandangan mereka dalam aspek ini diasaskan daripada dalil daripada sūrah Ali Imran (3): 195, sūrah al-Nisā(4): 124, sūrah al-Naḥl (16): 97 dan sūrah Gāfir (40):40. Berdasarkan dalil-dalil tersebut lelaki dan perempuan akan diperkankan permohonannya tanpa membezakan lelaki dan wanita, amalan lelaki dan wanita dibalas sesuai dengan amal perbuatannya yang baik mahupun yang jahat.

Berdasarkan asas ini, LDII tidak terlibat dalam persoalan *emansipasi* wanita ataupun persoalan *gender*¹¹⁷. Pandangan ini sebagaimana dikatakan oleh ulama LDII, bahawa antara lelaki dan wanita mempunyai kedudukan yang sama, seperti tujuan diciptakan manusia sebagai hamba, kedudukannya khalifah di bumi, dan menerima perjanjian yang sama dari Tuhan. Perbezaan antara lelaki dan wanita hanya peringkat ketakwaan di antara mereka. Demikian juga dalam proses penciptaan bahawa Adam dan Hawa dalam bentuk yang sama.¹¹⁸

Oleh itu, tidak ada satu pembicaraan khusus tentang wanita yang dikembangkan di LDII. Demikian tiada dibentuk secara khusus organisasi perempuan, baik bagi orang dewasa, pemuda yang berdiri secara otonom. Persoalan wanita ditempatkan sebagai satu bidang dibawah bidang-bidang yang lain iaitu bidang perenan wanita. Kefahaman

¹¹⁷ Suatu konsep yang digunakan untuk mengidentifikasi perbezaan lelaki dan perempuan dilihat dari segi sosio budaya. Dengan erti lain mendefinisikan lelaki dan perempuan dari sudut non biologi. Lihat Helen Tierney (ed.), *Women's Studies Encyclopedia*, Vol. 1, New York: Green Wood Press, h. 153. Hilary M. Lips (1993), *Sex and Gender: An Introduction*, London: Mayfield Publishing Company, h. 4

¹¹⁸ Ratmojo, Mubaligh LDII PAC Sungai Penuh, dalam temubual dengan penulis, Kersik Tua, 10 Ogos 2009

mereka terhadap persoalan wanita, bukan hanya khusus bagi wanita sahaja, tetapi juga harus diketahui baik lelaki mahupun wanita.

Meskipun kedudukan wanita dan lelaki secara am sama, namun dihadapan lelaki, wanita LDII kurang mempunyai *bargaining power* yang mencukupi. Kefahaman mereka dirujuk dari sikap dan perilaku ahli-ahli LDII didorong oleh kefahaman mereka daripada firman Allah S.W.T:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ
أَمْوَالِهِمْ

Ertinya: “Lelaki adalah pemimpin (pelindung) bagi perempuan, oleh itu Allah telah memberikan kelebihan di antara mereka di atas sebahagian yang lain, dan kerana mereka telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka”

Sūrah al-Nisā (4): 34

Merujuk daripada firman Allah S.W.T. ini memberikan bias bahawa lelaki mempunyai otoriti lebih dibandingkan perempuan. Praktikal ini terlihat dalam masalah perkawinan misalnya poligami, merupakan hak sepenuhnya lelaki. Perempuan dalam hal ini isteri pertama wajib taat kepada suaminya. Kefahaman ini tampaknya mereka berdasarkan kepada firman Allah surah al-Nisā (4):3.¹¹⁹ Demikian juga terhadap perempuan *bikr* juga harus menuruti kehendak orangtuanya. Asas mereka dalam hal ini ialah hadith Nabi s.a.w. :

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ « الْغَيْبُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا وَالْبِكْرُ
تُسْتَأْمَرُ وَإِذْنُهَا سُكُونُهَا

¹¹⁹ Ertinya: “maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.”

Ertinya: “Dari Ibn Abbas r.a., bahawasanya Nabi s.a.w.. telah bersabda: “Seorang janda lebih berhak atas dirinya daripada walinya, dan perawan (*bikr*) harus dengan izinnya, dan izinnya ialah diamnya”¹²⁰.

Bahkan dalam perspektif jamaah inipun apabila amir hendak menjodohkan kepada lelaki maka mereka harus mengikutinya. Wanita LDII secara amnya lebih mengutamakan unsur dalaman keluarga, iaitu mengurus rumah tangga. Menurut Ratmojo, fungsi wanita berkisar pada tiga aspek iaitu; pendamping suami, penerima amanah Allah untuk meneruskan dan membina keturunan dan sebagai ibu rumah tangga. Wanita harus taat kepada suaminya dan harus sentiasa mencari keridaannya. Kerana berdasarkan hadith keridaan suami ialah keridaan Allah, dan sebaliknya kemurkaan suami ialah kemurkaan Allah. Wanita harus berbudi bahasa dan sopan satun kepada suaminya. Semua itu merupakan tiang penyangga tegaknya keluarga sakinah yang menjadi harapan setiap pasangan ahli LDII. Untuk mencapai keluarga sakinah, terdapat empat persyaratan yang harus dipenuhi, iaitu isteri salehah, anak-anak yang baik, teman yang saleh, dan mencari nafkah tidak merantau sehingga harus berpisah dengan keluarga.¹²¹ Meskipun demikian wanita ahli LDII diperbolehkan untuk bekerja disektor am seperti menjadi mubalighah, pedagang, petani, pegawai, seni dan lain-lain. Namun dimana sahaja mereka berada harus sentiasa mengikuti syariat Islam seperti; mereka harus menggunakan jilbab dan menjaga dari perilaku maksiat. Sedangkan dalam aspek ibadah, LDII tetapi memfungsikan wanita dalam semua bentuk ibadah, kecuali yang dilarang.

4.5.4.3 Kemasayarakatan

Manusia secara fitrah tidak bisa hidup bernafsi-nafsi kerana manusia selain makhluk individu juga sebagai makhluk sosial (*human was born a social being*). Hidup

¹²⁰ Muslim, *op.cit.*, Juz. 9 Hadith Nomor 3542 h. 175

¹²¹ Ratmojo, (Mubaligh LDII DPD Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kersik Tua, 21 April 2008

perseorangan dengan bermasyarakat terjalin satu dengan lainnya atau saling berhubungan (*inter-dependent*). Oleh itu, ajaran Islam dalam mengatur hubungan manusia ada 3 asas. *Pertama*, menyempurnakan hubungan manusia dengan KhaliqNya, *kedua*, menyempurnakan hubungan manusia sesama manusia, dan *ketiga* mengadakan keseimbangan antara kedua hubungan tersebut.¹²²

Dalam membangun hubungan sosio masyarakat LDII berterasakan asas “Budi Luhur”. Budiluhur ialah budibahasa/akhlak yang baik yang secara nilai asas umum boleh diterima oleh masyarakat sebagai ucapan, perilaku, sikap dan tingkahlaku yang baik. Menurutny manusia tergolong makhluk sosial dengan sendirinya mempunyai perilaku sosial. Ertinya manusia dalam kehidupan sentiasa ada keterkaitan dengan orang lain, kerana tiap-tiap individu selalu memiliki kekurangan dan kelebihan sehingga timbul kondisi saling memerlukan. Oleh itu, untuk membangun hubungan yang harmoni diperlukan panduan yang boleh menciptakan situasi harmoni tersebut.¹²³

Merujuk daripada asas dalam menjalin hubungan sosial kemasyarakatan (*ukhuwwah*), LDII tetap berpedoman daripada konsep akidah Islam. Kerana hakikatnya kehidupan manusia boleh mencapai kebahagiaan kerana menjalin hubungan dengan Allah, manusia dan alam sekitarnya.¹²⁴ LDII dalam bersosial kemasyarakatan harus dijalin menerusi al-Qur’an ialah persaudaraan yang dijalin oleh ikatan keluarga (Surah Tāhā (20)-29-30, persaudaraan dalam erti sebangsa walaupun tidak seagama (Surah al-A’raf (7):65, surah al-Haqqah (69):6-7, persaudaraan semasyarakat, walaupun berselisih kefahaman (surah Şad (38):23), persaudaraan seagama (surah al-Hujarat (49): 10, persaudaraan sekemanusiaan (surah al-Hujarat (49): 13 dan persaudaraan sesama makhluk Allah (surah al-An’am (6): 38).

¹²² M.Natsir (1989), *Fiqhud Dakwah*, Jakarta: Media Dakwah, h. 12

¹²³ LDII (2007) Makalah CAI, *op.cit.*,h. 23

¹²⁴ Q.S. Ali Imran 3:104

Selanjutnya sebagai NGO resmi, LDII mempedomani daripada perundang-undangan yang ditetapkan pemerintah Republik Indonesia iaitu “Tri Kerukunan Umat Beragama” yang meliputi; (1) hubungan umat beragama, (2). hubungan antar umat beragama dan (3). hubungannya dengan pemerintah.

Dalam membina hubungan umat beragama LDII mengembangkan prinsip yang telah ditetapkan dalam al-Qur’an dan hadith Nabi s.a.w. bahawa seluruh umat Islam mempunyai kedudukan yang sama sebagai saudara sesama muslim. Pandangan para ahli LDII menggambarkan persaudaraan seperti satu bangunan mahupun satu tubuh, di antara sesama muslim mempunyai peran yang memperkuat keasatuan umat Islam. Prinsip-prinsip persaudaraan sebagaimana sabda Nabi s.a.w.:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَأَبُو عَامِرٍ الْأَشْعَرِيُّ قَالَا حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ إِدْرِيسَ وَأَبُو أُسَامَةَ ح
وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ أَبُو كُرَيْبٍ حَدَّثَنَا ابْنُ الْمُبَارَكِ وَابْنُ إِدْرِيسَ وَأَبُو أُسَامَةَ كُلُّهُمْ عَنْ بُرَيْدٍ عَنْ أَبِي
بُرْدَةَ عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ
بَعْضًا¹²⁵

Ertinya: “ Dikatakan Abu Bakr ibn Abi Syaibah dan Abu ‘Amir al-Asy’ari berkata, Dikatakan ‘Abdullah ibn Idris dan Abu Usamah, dikatakan Muhammad ibn ‘Ala’i Abu Kuraib, dikatakan Ibn al-Mubarak dan Ibn Idris dan Abu Usamah kesemuanya dari Buraid dari Abi Burdah dari Abi Musa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Seorang muslim terhadap muslim yang lainnya bagaikan sebuah bangunan, dimana bahagian-bahagiannya satu sama lainnya saling kuat menguatkan”.

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُبَيْرٍ حَدَّثَنَا حُمَيْدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ خَيْثَمَةَ عَنِ الثَّعْمَانِ بْنِ
بَشِيرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُسْلِمُونَ كَرَجُلٍ وَاحِدٍ إِنْ اشْتَكَى عَيْنُهُ اشْتَكَى كُلُّهُ
وَإِنْ اشْتَكَى رَأْسُهُ اشْتَكَى كُلُّهُ¹²⁶

Ertinya: “Dikatakan Muhammad ibn ‘Abdullah ibn Numair, dikatakan Ibn ‘Abd al-Rahman dari A’masi dari Khaisamah dari al-Nu’man ibn

¹²⁵ Muslim, *op.cit.*, Bab *Tarāhim al-Mu`minīn watā tafahum wa ta`ā dadahum*, Juz. 16 Hadith No. 6750, h.470

¹²⁶ *Ibid.*, Hadith No. 6754, h. 474

Basyir, Rasulullah s.a.w. bersabda: Seorang muslim bagaikan satu tubuh. Apabila salah satu bahagian tubuh sakit, maka seluruh anggota tubuh yang lain turut merasa sakit”

Meskipun dalam konsep sesama kefahaman persaudaraan sesama muslim sama, tetapi kerana proses tranformasi kefahaman berbeza maka di tengah-tengah komuniti antara ahli LDII dengan masyarakat muslim amnya diterjadi jarak sosial. Dengan lain perkataan terjadinya sikap eksklusif sosio dalam masyarakat Islam lainnya.

Menurut ahli LDII terjadinya jarak di antara dengan umat Islam amnya dikarenakan aktiviti yang dilakukan oleh ahli LDII cukup banyak, seperti pengajian dengan intensiti yang tinggi, sehingga mengurangi masa mereka bercampur dengan masyarakat. Sedangkan pada peringkat menengah ke atas—pengerusi, mubaligh dan cendikiawan LDII—hubungan mereka terjalin dengan harmoni.¹²⁷

Kenyataan ini kerana ahli-ahli LDII mempunyai visi dan misi yang sama dan terikat kode etik organisasi sehingga hubungan antara ahli LDII terjalin lebih harmoni. Banyaknya persamaan cita dan rasa melahirkan jalinan persaudaran yang lebih rapat. Dengan lain perkataan terjadinya liminaliti sosio. Pandangan ini sebagaimana hasil temu bual dengan Pimpinan LDII Cawangan Kayu Aro sebagai berikut:

Dalam hubungan umat beragama ahli-ahli LDII asasnya ialah sama dengan umat Islam amnya merujuk daripada al-Quran dan Hadith. Demikian juga, kami memandang sesama umat Islam ialah bersaudara. Perbezaan organisasi dan kefahaman bukan menjadi pembeza antara umat Islam bila mereka berakidah sama. Namun jika kemudian terdapat jarak kami dengan umat Islam di luar LDII, bukan bererti kami mengasingkan, memandang kafir dan sebagainya, tetapi mungkin kerana aktiviti yang banyak dan mengurangi kami meluangkan masa untuk bercampur dengan umat Islam amnya.¹²⁸

Selanjutnya berdasarkan pemerhatian, terjadi jarak hubungan sosio masyarakat LDII mempunyai sarana dan prasarana ibadah, baik musala mahupun masjid yang

¹²⁷ Deson Feri, (Ketua LDII DPD Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, Kerinci, 14 April 2008

¹²⁸ Sobri, (Mubaligh LDII PAC Kayu Aro), dalam temubual dengan penulis, Kerinci 5 Ogust 2008

berasing dengan masyarakat Islam lainnya. Keadaan ini boleh mengurangi jalinan ukhuwwah dan kontak dengan umat lainnya. Meskipun untuk pemanfaatan masjid dan musala diperbolehkan bagi masyarakat lain melakukan ibadah ---salat lima waktu dan salat Jum'at--- tetapi dalam pentabiran dan penta'miran masjid tetap dalam pentabiran LDII.

Menurut beberapa analisis, yang menciptakan jarak hubungan umat Islam Indonesia lainnya dan khususnya di Provinsi Jambi ialah faktor sejarah LDII sendiri. Pada awal perkembangan pertubuhan ---Darul Hadis/Islam Jamaah atau LEMKARI--- mereka mengembangkan konsep keimamahan dan kejamaah dengan konsep yang sempit; seperti wajibnya berbai'ah kepada imam dan doktrin "kejamaah". Mereka berkefahaman bahawa kelompok LDII sahaja "yang benar Islamnya" dan "golongannya yang harus masuk surga", sedangkan orang diluaran LDII termasuk "kafir" atau masuk neraka. Pendapatnya ini menciptakan jarak antar ahli LDII dengan masyarakat Islam lainnya.

Merujuk pandangan Van Gennep menerusi Winangun bahawa *liminaliti* merupakan bahagian terpenting dalam sistem ritus atau lebih tepatnya peribadatan peralihan (*rites de passage*) yang meliputi tiga proses iaitu ritus kematian, ritus transisi (kelahiran) dan ritus *inkorpoarsi* (perkawinan)¹²⁹ Kematian misalnya, boleh menyadarkan manusia terhadap erti dan arah kehidupan yang sebenar untuk mendapatkan keselamatan hidup di dunia mahupun di akhirat, menjadi alat evaluasi final segala amal kebaikan, membangkitkan kesadaran dan pentingnya berjamaah. Pada peristiwa kematian ini, bukan hanya menjadi tanggung jawab ahli keluarga, tetapi juga ahli LDII lainnya dan pengerusi LDII terlibat dalam prosesi pemakaman.

¹²⁹ Y.W.W. Winangun (1990), *Masyarakat Bebas Struktur*, Yogyakarta: Kanisius, h. 31-33

Selanjutnya dalam menjalin hubungan antar agama, LDII tetap mengedepankan azas akidah Islam, dengan sikap menghargai dan menghormati pengikut agama lain. Asas dalam mengembangkan hubungan sosial ini ialah surah Ali ‘Imran (3) :64¹³⁰ dan Saba’ (34): 24-25¹³¹. Sikap yang telah dikembangkan telah memberikan kontribusi yang positif seperti menciptakan kehidupan yang saling pengertian antara satu sama lain.

Sedangkan pada hubungan dengan pemerintah, LDII sejak masa Orde Baru sampai Era Reformasi saat ini terjalin dengan baik. Pada masa Orde Baru merupakan NGO yang loyal kepada parti yang berkuasa GOLKAR serta ikut serta mensukseskan program pemerintah. Demikian juga jalinan dengan pemerintah pada era reformasi, hal ini sebagaimana hasil majoriti aktiviti yang dipresentasikan dalam “Lintas Persada” dari tahun 2007 sehingga 2008, terdapat 570 aktiviti LDII diseluruh Indonesia dan luar negara. Berdasarkan hasil prosentase LDII memiliki jalinan sosial, didominasi dengan kegiatan vertikal, iaitu dengan Pemerintah dan Aparat (TNI dan POLRI) 194 aktiviti (34%), dengan MUI 124 kegiatan (22%), aktiviti dalaman LDII 118 aktiviti atau 21%, aktiviti dengan organisasi lain 35 atau 6%, dan jalinan dengan tokoh masyarakat 12 aktiviti atau 2% sangat sedikit.¹³²

Berdasarkan peringkatan di atas, jalinan komunikasi sosial keagamaan LDII dengan pemerintah sangatlah baik, dengan prosentase yang tinggi mencapai 34% dari aktiviti-aktiviti LDII lainnya. Menganalisis sikap LDII kerana tahun 2007-2008

¹³⁰ Ertinya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara Kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya Kami adalah orang-orang Islam".

¹³¹ Ertinya: Bertanyalah (Wahai Muhammad kepada orang-orang musyrik itu): "Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi?" Terangkanlah jawabnya: "lalah Allah; dan Sesungguhnya (Tiap-tiap satu golongan), sama ada golongan Kami ahli Tawhid atau golongan kamu ahli syirik - (tidak sunyi daripada salah satu dari dua keadaan): keadaan tetapnya di atas hidayah petunjuk atau tenggelamnya dalam kesesatan yang jelas nyata ". (Oleh itu) katakanlah (wahyu Muhammad): "Kamu tidak akan bertanggungjawab tentang kesalahan yang Kami lakukan, dan Kami pula tidak akan bertanggungjawab tentang apa yang kamu kerjakan"

¹³² Habib Setiawan, Robi Nurhadi dan Muhammad Muchson Anasy (2008), *After New Paradigm Catatan Para Ulama Tentang Lembaga Dakwah Islam Indonesia*, Jakarta: Pusat StudiIslam Madani Institut, h.67

merupakan awal sosialisasi paradig baru dan klarifikasi LDII-MUI Pusat oleh seluruh pengerusi LDII di Indonesia.

Selanjutnya dalam memperhatikan jalinan LDII dengan permasalahan sosial amnya, yang menjadi amanat Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga (AD/ART) hanya memperoleh bahagian dari keseluruhan ialah 81 aktiviti atau 14%. Tetapi menurut Teddy menerusi pandangan Habib Setiawan dkk., belum semua kegiatan inklusif LDII terpublikasikan di rubrik “Lintas Persada”. Sejumlah kegiatan inklusif yang tidak representatif telah disosialisasikan melalui media websit LDII.¹³³

Pandangan Teddy, selari dengan Ketu DPD LDII Provinsi Jambi, bahawa aktiviti sosial am LDII banyak, tetapi tidak semua aktiviti harus dipublikasikan, sepertimana aktiviti ahli LDII Provinsi Jambi tidak semua dikirim ke Jakarta untuk dipublikasikan pada “Lintas Persada”, kita pilih dari aktiviti yang lebih berkualiti dan bersesuaian.¹³⁴ Jadi merujuk dari pelbagai program dalam menjalin hubungan LDII telah menunjukkan perubahan sebagai organisasi yang terbuka meski secara garis besar hubungan yang lebih dengan pemerintah baik, kerajaan pusat, daerah serta pihak keamanan negara iaitu kepolosian dan tentara.

¹³³ *Ibid.*, h. 67-68

¹³⁴ Nurhamid Hadi, (Ketua DPDLII Provinsi Jambi), dalam temubual dengan penulis, Jambi, 22 April 2008